

**Jilid I
Bil. 22**



**Hari Rabu
10hb November, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2659]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2703]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983
Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 2703]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Maksud P. 7, P. 8 dan P. 9 [Ruangan 2703]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam**
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ **Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN**
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI**
ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'**
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,**
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.**
(Batu Berendam).

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,**
D.P.C.M. (Taiping).

„ **Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,**
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ **Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK**
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO**
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'**
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI**
HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL
KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatang).

„ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

„ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

„ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).

„ TUAN AHMAD HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).

„ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).

„ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).

„ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).

„ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

„ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).

„ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

„ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

„ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

„ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

„ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

„ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).

„ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).

„ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

Yang Berhormat TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).**
- „ **TUAN FUNG KET WING (Sandakan).**
- „ **TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).**
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).**
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).**
- „ **TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).**
- „ **TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).**
- „ **DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).**
- „ **TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).**
- „ **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **TUAN KAN YAU FA (Tawau).**
- „ **TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).**
- „ **TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).**
- „ **TUAN MARK KODING (Kinabalu).**
- „ **DR KOH TSU KOON (Tanjong).**
- „ **DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).**
- „ **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- „ **TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).**
- „ **DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).**
- „ **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- „ **TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).**
- „ **TUAN LING SIE MING (Sibu).**
- „ **TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).**
- „ **TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).**
- „ **TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).**

Yang Berhormat TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).

- „ **TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).**
- „ **DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).**
- „ **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).**
- „ **TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).**
- „ **DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).**
- „ **TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).**
- „ **TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).**
- „ **TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).**
- „ **TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).**
- „ **TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).**
- „ **DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).**
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).**
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- „ **TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**

Yang Berhormat WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEOH POH SAN (Petaling).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

.Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 10hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**TANAH-PERANCANGAN
MENGATASI MASALAH**

1. Datin Paduka Zaleha binti Ismail minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah perancangan terbaharu Kementeriannya bagi mengatasi berbagai-bagai masalah tanah yang terdapat di negara Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah menyedari dan menentukan masalah-masalah tanah terdapat di negara Malaysia. Tindakan-tindakan telah diambil di samping rancangan-rancangan baru diatur dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah-masalah itu. Salah satu masalah besar yang dihadapi mengenai hal-hal tanah ialah kelambatan memprosesnya. Untuk mengatasi masalah-masalah ini, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah menetapkan dengan persetujuan Majlis Tanah

Negara bahawa pentadbiran Negeri-negeri hendaklah menyiapkan sesuatu urusan tanah dalam masa tiga bulan bagi kes-kes yang memerlukan pentadbiran pihak berkuasa Kerajaan Negeri. Bagi kes-kes yang lain yang tidak memerlukan pertimbangan pihak berkuasa Kerajaan Negeri, pentadbiran tanah dikehendaki menyelesaikan pemerosesannya dalam masa yang secepat mungkin.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, perancangan-perancangan baru Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ialah mewujudkan empat unit Bahagian Kemajuan Pengurusan yang ditugaskan untuk membuat audit pengurusan di tiap-tiap pejabat tanah dan di pejabat Pengarah Tanah dan Galian untuk mengesan dan mengatasi masalah-masalah pengurusan dan undang-undang yang dialami oleh pentadbiran tanah.

Bahagian Kemajuan Pengurusan ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai yang mahir dan berpengalaman di dalam pentadbiran tanah. Kajian-kajian dibuat dan syor serta perbincangan dengan pentadbiran tanah diadakan untuk mengatasi masalah-masalah pengurusan dan perundangan yang dihadapi oleh pentadbiran itu.

Tuan Yang Dipertua, mewujudkan Bahagian Latihan yang khusus untuk melatih Pemungut dan Penolong-penolong Pemungut Hasil Tanah, Program latihan intensif yang diadakan oleh Bahagian Latihan ini untuk Pemungut Hasil Tanah dan

Penolong-penolong Pemungut Hasil Tanah di INTAN dan untuk Pegawai Kerani, Pegawai Penempatan dan Juru Surih, di Negeri-negeri.

Penyemakan undang-undang terhadap Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah dan Akta Pesaka Kecil untuk memastikan bahawa kelambatan pemerosesan tanah tidak wujud kerana peruntukan undang-undang mewujudkan unit perundangan tanah untuk mengkaji semua undang-undang tanah dengan objektif untuk memperkemaskan undang-undang tersebut. Seterusnya mewujudkan Unit Komputer dan Land Data Bank untuk menyimpan rekod-rekod tanah di negeri bagi tujuan perancangan kegunaan tanah yang berkesan oleh agensi-agensi pembangunan dan sebagainya.

Semua perancangan-perancangan baru untuk mengatasi masalah-masalah tanah itu sedang berjalan dengan lancar.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang kelambatan di dalam masalah perancangan tanah, terutama dalam proses untuk pemberian tanah kepada rakyat, satu daripada sebabnya ialah kekurangan Pegawai Penempatan (Settlement Officer) untuk menjalankan proses pengukuran dan sebagainya. Jadi apakah rancangan pihak Kementerian ini untuk menambahkan Settlement Officer itu supaya diadakan sekali ganda daripada yang ada sekarang dan apakah dalam proses tanah ini pihak Kementerian ini bercadang untuk mengadakan komputer (computerise) dari segi menyelesaikan permohonan tanah.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, soal untuk menambahkan kakitangan bagi mengatasi masalah itu, untuk ketika ini saya rasa Ahli Yang Berhormat yang

mengemukakan soalan itu pun faham bahawa kita sedang menghadapi zaman resesi. Sekiranya kedudukan kewangan dan ekonomi kita pada masa yang akan datang lebih baik, tambahan itu akan dilaksanakan. Berhubung dengan masalah penggunaan komputer itu, saya percaya Ahli Yang Berhormat itu mendengar bahawa kita sedang merancang dalam proses ke zaman komputerisma.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ada mengatakan kelambatan memproses tanah itu memang terdapat di negara ini. Yang sebenarnya kelambatan itu disebabkan oleh laporan dan pandangan-pandangan dari Jabatan-jabatan berkaitan adalah terlalu lewat, bukan kita hendak salahkan Pejabat Tanah sahaja. Apakah langkah pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah? Bolehkah dikumpulkan jabatan-jabatan itu dan diadakan satu mesyuarat, kemudian diproses terus bagi kemajuan atau pembangunan negara.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, soalan itu adalah satu soalan yang baik. Saya percaya kita boleh panggil, tetapi kita tidak boleh paksa pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan itu untuk datang tetapi atas sikap mahu menjalankan perkhidmatan yang cemerlang, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras di Peringkat Kementerian dan seterusnya kita akan mengadakan satu Jawatankuasa Penyelaras di Peringkat Negeri.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan

Wilayah sama ada Kerajaan bercadang untuk memisahkan atau mengasingkan bidang tugas Pejabat Tanah dengan Pejabat Daerah bagi memperkemarkan lagi dan mengatasi berbagai-bagai masalah tanah yang terdapat di negara ini.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, ketika ini pun saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat sedar bahawa kita ada seorang Penolong Pegawai Daerah yang bertugas khas mengenai masalah tanah di daerah-daerah.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa salah satu masalah tanah di Malaysia ialah kekurangan tanah bagi belia-belia bandar yang ingin mendapat pekerjaan pertanian. Bolehkah Kementerian menggalakkan belia-belia demikian khususnya belia-belia bukan bumiputra untuk bekerja di Rancangan-rancangan FELDA memandangkan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang Dipertua: Itu soalan lain, saya tidak benarkan.

Tuan Ismail bin Said: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan berbagai-bagai masalah tanah yang terdapat di negara kita pada hari ini. Jadi, saya ingin bertanya beliau sama ada beliau sedar ataupun tidak salah satu masalah tanah di negara kita ini ialah masalah tanah-tanah raja yang terdapat dalam kawasan pembangunan Wilayah, misalnya KETENGAH, KEJORA, KESEDAR dan sebagainya. Jika beliau sedar, apakah rancangan-rancangan beliau untuk mengatasi masalah-masalah tanah raja yang terdapat dalam kawasan-kawasan yang berkenaan?

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir yang itu pun bukan soalan yang berbangkit daripada soalan asal.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen berkenaan tanah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek perumahan dan lain-lainnya, adakah pihak Kementerian sedar apabila rancangan dilaksanakan penduduk-penduduk asal di atas tanah itu menghadapi beberapa masalah. Kalau sedar, bolehkah pihak Kementerian memberi arahan kepada Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini supaya mereka mendapat tanah lain atau mendapat resettlement.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak berbangkit.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piaih: Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menerangkan bahawa tidak mungkin untuk kita menambah lagi

Tuan Yang Dipertua: Minta kuat sedikit.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piaih: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menerangkan bahawa dalam usaha hendak menambahkan lagi Pegawai-pegawai Penempatan atau S.O. ini tidak mungkin, dengan sebab keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini.

Saya ingin bertanya untuk mengatasi keadaan bagi menyelesaikan masalah-masalah tanah ataupun memproseskan tanah itu, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah pasukan petugas di mana kita mengumpulkan beberapa orang S.O. boleh digerakkan dari satu kawasan ke satu kawasan bagi menyelesaikan masalah memproseskan tanah.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, Kementerian bukan sahaja bercadang bahkan telah ada unit bergerak untuk mengatasi masalah ini.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Soalan tambahan. Dalam perancangan barunya adakah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah membuat sesuatu perancangan khas bagi Tanah Simpanan Melayu di seluruh negara?

Tuan Yang Dipertua: Rancangan khas untuk tanah-tanah? Saya ingat tidak berbangkit masalah itu. Pertanyaannya ialah untuk menyelesaikan masalah tanah.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan, dan yang terakhir (*Ketawa*).

Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sama ada beliau sedar atau tidak bahawa ada sebidang tanah pada asalnya adalah untuk menanam padi yang telah diluluskan oleh pihak PTG untuk ditukar syarat. Kemudian seterusnya bayaran hasilnya dinaikkan tetapi apabila permohonan dibuat untuk ditanam dengan getah, permohonan ini ditolak oleh pihak RISDA. Jika ia, apakah langkah yang patut diambil supaya perkara ini tidak berlarutan.

Tuan Yang Dipertua: Itu pun tidak berbangkit juga (*Ketawa*).

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam pemerosesan permohonan geran tanah itu oleh kerana selalunya berlaku kelambatan, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan sedar bahawa ini telah menyebabkan sekurang-kurangnya beberapa kesulitan kepada pemohon-pemohon. Salah satu kesulitannya ialah ada setengah pemohon telah meninggal dunia sebelum geran itu sempat dikeluarkan, dan jika Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan yang Dipertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak sedar kepada jawapan yang telah saya berikan tetapi untuk menyedarkannya saya boleh ulangkan sekali lagi bahawa kita telah mengambil tindakan untuk menyiapkan perosesan ini dalam tempoh 3 bulan sekiranya ia terlibat dengan kuasa Kerajaan Negeri dan sekiranya ia tidak terlibat dengan kuasa Kerajaan Negeri, kita minta supaya ianya dapat diselesaikan dalam tempoh 2 minggu.

PETRONAS—BAYARAN TRIBUTE KEPADA NEGERI-NEGERI

2. Tuan Haji Seroji bin Haji Harun minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak PETRONAS bercadang akan menaikkan bayaran 'tribute' kepada negeri-negeri yang mengeluarkan hasil petroleum dan sejauh mana langkah-langkah pengkajian dibuat bagi kawasan-kawasan utara Malaysia.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang Dipertua, salah satu daripada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan yang penting ialah untuk membahagikan hasil negara dengan adil supaya masalah ketidakseimbangan antara Negeri-negeri, kawasan dan kumpulan masyarakat tidak berlaku. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk menentukan supaya faedah-faedah dari hasil pengeluaran minyak dan gas, samalah seperti hasil dari pengeluaran getah, kelapa sawit dan bijih timah, dapat dinikmati bukan sahaja oleh beberapa negeri tertentu, malah oleh kesemua penduduk di Malaysia. Sudah sewajarnya semua negeri turut dapat merasakan sedikit sebanyak faedah dari pengeluaran minyak dan gas negara.

Berdasarkan kepada sikap dan dasar inilah maka Kerajaan

Persekutuan telah membuat pertimbangan yang penuh teliti mengenai kadar pembayaran royalti dari hasil pengeluaran minyak yang harus dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu. Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar pembayaran royalti yang sedia ada.

Mengenai kajian-kajian di kawasan-kawasan di utara Malaysia, PETRONAS telah membuat beberapa kajian penilaian geologi di kawasan-kawasan tersebut dan di kawasan Selat Melaka pihak Syarikat Minyak Mobil dalam tahun 1968-74 telah membuat kajian dan seterusnya menjalankan usaha mencarigali, pada permulaannya secara usaha persendirian dan kemudian secara usahasama dengan syarikat 'Teijin Malaysian Exploration'. Daripada kajian-kajian yang dibuat sehingga ini kawasan-kawasan itu didapati kurang potensi mengeluarkan minyak.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Royalti yang diberikan, adakah benar bahawa pihak PETRONAS ada juga membiayai projek-projek yang ada hubungan dengan Petroleum di negeri-negeri yang berkenaan. Jika benar, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu apakah projek-projek yang PETRONAS telah committed setakat ini sama ada yang telah pun berjalan ataupun masih lagi dalam perancangan?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, PETRONAS memang mengadakan projek-projek di negeri-negeri yang mana minyak ini dikeluarkan oleh kerana adalah perlu kita mengadakan projek-projek ini dekat dengan punca minyak itu. Projek-projek yang telah diadakan ialah Bintulu LNG, ASEAN Urea di Bintulu juga dan di Terengganu sekarang ini sedang dibina satu loji penapis minyak dan tempat

menyimpan minyak dan juga Supply Base di Cukai, Terengganu.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan bahawa Kerajaan tidak ada kemungkinan untuk menaikkan tribute berhubung dengan hasil minyak. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sama ada boleh atau tidak Yang Amat Berhormat menerangkan dari segi perbandingan bagaimana pengusaha-pengusaha minyak di negara lain umpamanya dengan Singapura dengan apa yang diberi ataupun yang dibuat oleh negara kita supaya dapat menimbulkan rasa kepuasan yang lebih di kalangan mereka yang menuntut untuk menaikkan tribute itu.

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir tidak bersangkut dengan soalan asal.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, daripada jawapannya telah menyebutkan bahawa Kerajaan telah pun memberi royalti kepada negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu. Setakat ini sebanyak manakah setahun yang diterima dari segi wang bukan dari segi peratus yang diterima oleh ketiga-tiga buah negeri tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya memerlukan notis.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah langkah-langkah carigali yang sedang diambil atau akan diambil oleh PETRONAS bagi membuat kajian bagi kawasan Laut China Selatan berhampiran dengan Pantai Timur, negeri Pahang dan negeri-negeri berdekatan dengannya?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, kita mempunyai cadangan untuk mencarigali di mana sahaja mungkin ada potensi mengeluarkan minyak, tetapi kita terpaksa lah mengadakan satu priority dan priority ini bergantunglah kepada kemungkinan adanya minyak yang boleh dikeluarkan. Di waktu ini kita dapati bahawa kemungkinan yang tinggi sekali ialah di Lautan China yang berhadapan dengan Pantai Terengganu.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa oleh sebab Kerajaan tidak dapat menambahkan royalti petroleum kepada negeri-negeri maka timbul perasaan rakyat dalam negeri itu rasa tidak senang kerana sedikit sahaja royalti didapati oleh pihak Kerajaan Negeri yang mengeluarkan petroleum?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, yang pertamanya royalti yang diterima tidaklah sedikit. Mengikut angka yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Terengganu umpamanya dalam jangka masa tiga tahun mereka telah dapat hampir \$300 juta yang mana berbanding dengan negeri Kedah umpamanya yang mana kutipan hasil daripada negeri Kedah dalam setahun sebanyak \$30 juta sahaja.

Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberi kenyataan bahawa kajian telah dibuat oleh PETRONAS di kawasan Selat Melaka dan daripada kajian itu didapati tidak ada potensi petroleum di kawasan Selat Melaka, ini termasuklah Kedah.

Tuan Yang Dipertua, oleh sebab semua negeri-negeri di dalam Malaysia telah pun mengikat

perjanjian dengan PETRONAS, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberi peluang kepada negeri-negeri yang berhadapan dengan Selat Melaka supaya memansuhkan perjanjian-perjanjian dengan PETRONAS itu dan juga memberi peluang kepada negeri-negeri ini mencari sumber-sumber ataupun badan-badan yang lain di antara-bangsa yang dapat menjalankan carigali petroleum di kawasan Selat Melaka?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, pihak Kerajaan Pusat telah menentukan bahawa sebarang carigali yang dijalankan di dalam negara kita ini akan diuruskan oleh pihak PETRONAS. Ini ialah oleh kerana kita memerlukan pengalaman yang luas dalam bidang ini jika kita tidak hendak tertipu dengan janji-janji yang mungkin merugikan kita. Sebab itu walaupun ada negeri-negeri yang ingin memberi kawasan-kawasan untuk syarikat-syarikat carigali minyak yang luar semua ini boleh diurus kalau pihak PETRONAS bersetuju dengan syarat-syaratnya dan jika ada Kerajaan Negeri yang berpendapat bahawa mereka mempunyai minyak di mana-mana kawasan dan ingin mengeluarkan minyak ini, mereka bolehlah berunding dengan PETRONAS untuk menentukan siapakah yang akan menjalankan kerja carigali.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah formula untuk menentukan kadar bayaran royalti kepada sesebuah negeri yang mengeluarkan hasil petroleum ini dan berapa dibahagikan kepada Kerajaan Pusat?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, seperti saya telah terangkan dalam jawapan saya tadi prinsipnya ialah supaya semua pihak dapat layanan yang adil iaitu negeri yang

mengeluarkan minyak mendapat satu bahagian yang agak lebih daripada negeri-negeri yang lain yang dapat yang bakinya. Dan yang bakinya daripada yang telah diambil oleh negeri yang berkenaan juga boleh diberi kepada negeri itu sendiri. Pendek kata hasil yang telah dikumpul boleh dibelanjakan kepada ketiga-tiga negeri itu dan mereka juga akan dapat 5% daripada hasil minyak ini.

Perlu saya jelaskan di sini bahawa mengikut Perlembagaan Persekutuan yang mana telah juga dipersetujui oleh negeri-negeri di dalam Semenanjung ini pihak negeri tidak berhak di dalam kawasan-kawasan perairan yang luar daripada 12 batu jarak daripada pantai, tetapi oleh kerana pihak Kerajaan Pusat berhajat untuk memberi pertimbangan yang adil, maka kita sanggup mengeneppikan syarat yang telah pun ada di dalam Perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tahun lalu apabila Pengerusi PETRONAS ada di Sarawak, beliau ada membuat satu pengumuman bahawa pihak PETRONAS dan Kerajaan akan memberi satu pertimbangan yang favourable terhadap permintaan untuk meninggikan kadar 5% royalti petroleum untuk negeri-negeri termasuk negeri Sarawak dan bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini kenapa satu keputusan yang begitu unfavourable disampaikan selepas satu jaminan akan memberi pertimbangan yang favourable dan khasnya bukan sahaja rakyat di Sarawak, tetapi Kerajaan Sarawak berharap boleh mendapat lebih revenue daripada ulangkaji royalti itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, yang pertamanya saya tidak sedar tentang jaminan yang dibuat oleh Pengerusi Petronas dan jaminan yang seperti itu sepatutnya dibuat oleh Kerajaan kerana perkara-perkara yang seperti ini adalah ditentukan oleh

pihak Kabinet sendiri dan tidaklah ada sesiapa yang boleh membuat satu-satu jaminan atau perjanjian di luar daripada Kabinet yang berkuasa dalam bidang ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya sekali lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Daripada jawapan Yang Amat Berhormat tadi bahawa dalam masa 3 tahun negeri Trengganu telah mendapat \$300 juta, ini merupakan minat parti Pembangkang untuk merampas negeri Trengganu. Jadi, apakah pihak Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa yang lebih untuk menentu, menambah ataupun mengurangkan royalty pada masa akan datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya percaya kemungkinan itu tidak akan wujud sama sekali kerana tak mungkin parti Pembangkang menang di Trengganu (*Ketawa*).

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, dengan izin, I would like to ask the Prime Minister whether in the feasibility studies carried out by Petronas, Petronas has discovered any new oil fields in Sabah, and if so, where is the location and how much production each year.

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu tak berbangkit.

JALANRAYA BINATANG—JURAU DAN KANOWIT-SIBU

3. Tuan Richard Dampeng anak Laki minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah jalanraya dari Binatang ke Jurau, Kanowit dan Sibau akan dibubuhkan minyak tar dan sama ada Kementerian yang berkenaan mempunyai apa-apa cadangan untuk membubuhkan minyak tar jalanraya itu memandangkan ia telah dibina

selama 16 tahun yang lalu. Jika ya, bilakah kerja-kerja untuk membubuhkan minyak tar itu akan dijalankan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, jalan dari Binatang ke Jurau dan seterusnya ke Sibu adalah sebahagian daripada jalanraya utama di antara Kuching ke Sibu yang panjangnya ialah 460 km. Sebahagian besar daripada jalan ini, iaitu sepanjang 208 km telah pun ditarkan dan bakinya akan ditarkan secara berperingkat-peringkat dalam masa tahun-tahun hadapan.

~Mengenai jalan ranting (feeder road) ke Kanowit, setakat ini belum ada rancangan untuk menentarkannya.

RUKYAH/FALAK MENENTUKAN PUASA DAN HARI RAYA

4. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan adakah Majlis Fatwa Kebangsaan bercadang supaya cara rukyah dan falak diselaraskan dalam soal penentuan anak bulan Ramadan dan bulan Syawal dalam Malaysia. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang Dipertua, pihak yang berkuasa menetapkan cara menentukan permulaan Puasa dan Hari Raya Puasa adalah Majlis Raja-raja. Majlis tersebut telah membuat keputusan iaitu penentuan permulaan Puasa dan Hari Raya Puasa hendaklah mengikut cara rukyah dan falak.

Untuk menjelaskan lagi, Tuan Yang Dipertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini supaya tidaklah lagi soal ini dibangkitkan kerana ini sudah kerap kali ditanya itu sahajalah masalah yang ditanyakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya rasa sesudah

saya menerangkan dengan jelas perkara ini, saya tidaklah bersedia menjawab lagi pertanyaan yang menyentuh masalah ini.

Pertama, mengapakah boleh dipakai hisab, pertanyaan saya. Di dalam Islam boleh dipakai hukum kias untuk mendapat suatu kebenaran dalam agama. Pernah syaidina Omar tidak membayar zakat kepada orang yang baru masuk Islam kerana pada masa itu sudah ramai, sudah kuat Islam pada masa pemerintahan Syaidina Omar maka dikiaskan oleh beliau bahawa walaupun ada dalam Al-Quran untuk menjinak-jinakkan hati orang yang baru masuk Islam tetapi beliau telah mengiaskan akan menetapkan tak perlu dibayar lagi zakat itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati dalam Al-Quran yang jelas dan terang bahawa Tuhan menyatakan, dengan izin: *La tabli lilkaallilah*. Yakni, tidak ada perubahan di dalam sunnah Allah. Meaning: there is no alteration in the fundamental law of God's creation. Yakni, hisab itu bolehlah dipakai kerana ada lagi satu keterangan bahawa dalam sistem dunia, bulan bintang ini berpusing di atas falaknya: *Fi falakin yasbahun*. Ertinya, semua dunia, matahari, bulan bintang berpusing dalam falaknya tidak berganjak seinci pun. Oleh sebab itu, kias hisab boleh dihitung dari segi ilmu falak.

Satu lagi, Tuan Yang Dipertua, rukyah dan hisab adalah keputusan Majlis Raja-raja, yakni dalam agama, the highest authority dalam negara kita ini.

Suka saya menyatakan, Tuan Yang Dipertua, pihak Bahagian Agama yang di bawah jagaan saya sudah lama berusaha untuk mendapat suatu keputusan yang muktamad dalam hal ini. Alhamdulillah, syukur kita, dalam Majlis Raja-raja baru-baru ini telah diputuskan bahawa bolehlah di-

tetapkan menentukan puasa dan hari raya mengikut rukyah dan hisab. Jadi ini bolehlah menyenangkan hati bagi pihak orang yang suka kepada rukyah dan juga boleh menyenangkan hati kepada orang yang suka kepada hisab, tinggal lagi bergantung kepada teknik, cara-cara kita hendak melaksanakan kedua-dua method ini. Oleh sebab itu, saya rasa dan saya nasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat tak payahlah lagi ditanyakan masalah ini kerana terlampau banyak yang saya terpaksa kena jawab, itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Mereka hendak bertanya juga nampaknya (*Ketawa*) dan hak ini hak mereka itu. Mereka itu boleh buat pertanyaan tambahan mengikut Peraturan Mesyuarat, dan saya terpaksa membenarkan mereka itu.

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah apa-apa perjanjian yang dibuat oleh negara kita dengan negara-negara lain Asean untuk menyelaraskan hari raya di rantau Asia ini disebabkan oleh berhampirannya negara kita dengan negara-negara tersebut. Sekiranya ada, setakat manakah kejayaan perlaksanaannya.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, secara bertulis tidak ada tetapi secara berbincang saya telah bincangkan perkara ini dengan Menteri Ugama Indonesia, masalah ini boleh diselaraskan di antara Republik Indonesia dengan Malaysia.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Pihak Menteri yang berkenaan telah memberi penjelasan berkenaan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Raja-raja Melayu, tetapi apakah Menteri yang berkenaan ada bercadang kerana masalah puasa dan berbuka puasa ini adalah masalah hukum—Majlis

Parlimen ini bukan majlis untuk berbahas masalah hukum, tetapi masalah ini masalah besar kerana kita sudah tahu dan berpengalaman melihat kepada sikap Kerajaan sendiri sejak lama tidak tegas, sekali dengan rukyah, sekali dengan hisab, kembali kepada rukyah, kembali pula kepada hisab. Jadi, apakah Menteri yang berkenaan ada cadangan supaya membawa keputusan ini untuk diselaraskan kepada seluruh dunia Islam supaya kita mendapat pandangan yang sama, terutama dibawa dalam perundingan OIC umpamanya, bagi menentukan kedudukan kita yang sebenarnya supaya hukum yang kita pastikan ini tidak bertelagah dengan hukum ataupun pandangan hukum daripada ulama-ulama Islam di dunia yang lain.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, menurut apa yang kita telah laksanakan dalam negara kita ini, rukyah dan hisab ini telah pun diputuskan oleh Majlis Raja-raja yang bersidang baru-baru ini dan ini sudah merupakan satu keputusan yang muktamad dan tidaklah lagi akan diundur atau ditukar balik kerana semua Raja-raja telah bersetuju. Adapun pada masa yang sudah ada dua tiga negeri yang tidak setuju dengan menggunakan hisab tetapi alhamdulillah, baru-baru ini pihak Majlis Raja-raja telah membuat keputusan yang muktamad iaitu menentukan puasa dan hari raya melalui rukyah dan hisab.

Berhubung dengan rundingan dengan negara-negara Islam yang lain, saya telah katakan tadi bahawa kita telah berunding dengan pihak Kerajaan Republik Indonesia melalui Menteri Ugamanya, Pak Alam Shah. Pihak negara kita belumlah lagi membuat rundingan dengan negeri-negeri lain seperti Saudi Arabia dan lain-lain tetapi walau bagaimanapun negeri-negeri itu ada hak menentukan tarikh puasa melalui hisab dan rukyah kerana ini pernah berlaku pada satu

masa dahulu perbezaan tarikh puasa itu sudah berlaku di zaman Rasulullah. Seorang sahabat datang daripada Sham, apabila tiba di Madinah ditanya: Berapa haribulan kamu berpuasa di sana? Dia kata: Sudah kelmari. Jadi di Madinah baru sahaja. Ini menunjukkan bahawa the difference of the date boleh diamalkan oleh

Tuan Yang Dipertua: 'The difference of the date' kena kata, dengan izin.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Ya, dengan izin (*Ketawa*). Jadi saya rasa tidaklah timbul masalah ini, sebab kalau kita hendak selaraskan kita dengan Saudi Arabia, dia berbeza antara 4,000 batu, mungkin bulan kita lebih dahulu ternampak daripada yang di negara lain.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebagaimana jawapan yang diberi oleh Menteri yang berkenaan bahawa Majlis Raja-raja telah pun membuat keputusan menurut rukyah dan hisab. Jadi soal hisab sahaja di sini atau rukyah sahaja sudah tidak timbul lagi dan keputusan Raja-raja ini sudah tentu mendapat lebih dahulu fatwa dari Majlis Fatwa Kebangsaan. Jadi tidak timbul melalui Parlimen atau sebagainya, ulama di Majlis Fatwa itu yang sudah lebih awal membuat keputusan dan memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja. Soalannya di sini apakah satu usaha yang berkesan ke arah menarik umat Islam supaya mematuhi fatwa-fatwa ataupun keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Raja-raja, yang sudah diputuskan oleh Majlis Raja-raja dan yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa. Soalan ini penting kerana di akhir-akhir ini terlalu banyak fatwa-fatwa yang timbul di kalangan golongan-golongan yang tertentu dan orang-orang yang tertentu. Jadi apakah tindakan yang dapat kita lakukan untuk mengatasi persoalan

fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh orang-orang yang tidak ada hubungan dalam masalah-masalah hukum ini?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, senang sahaja jawabnya. Kita tidak ada mempunyai kuasa dalam negara-negara lain, jadi soalan ini terpulanglah kepada Mufti-mufti dan ulama-ulama di negeri itu masing-masing.

Tuan Yang Dipertua: Mengikut Undang-undang Syariah masing-masing.

BURUH ASING DI LADANG-LADANG

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah yang berlaku kepada kajian yang dijalankan oleh Kementerian mengenai tenaga buruh pendatang haram yang terdapat di Malaysia dan apakah dasar baru yang akan dirumus untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa maksud pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu ialah ingin mengetahui hasil kajian yang dijalankan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat berkenaan dengan kekurangan tenaga kerja di ladang-ladang dan kemasukan pekerja-pekerja asing di negara ini, maka dengan itu saya memohon izin memberi penjelasan seperti berikut.

Kajian mengenai kekurangan tenaga buruh di sektor-sektor perladangan dan pembinaan di negara ini telah pun dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak swasta yang berkenaan.

Kementerian saya telah juga meneliti masalah tersebut, khususnya tentang kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor perladangan getah dan

kelapa sawit di Semenanjung Malaysia dan mendapati memang benar terdapat kekurangan tenaga kerja di estet-estet. Kajian Jabatan Buruh telah dibuat ke atas 2,897 buah estet dan perkebunan, dan daripada kajian itu didapati kekurangan tenaga kerja seramai 17,264 orang atau 9.2% daripada jumlah keperluan tenaga kerja sebenar. Kajian oleh Jabatan Tenaga Rakyat pula ke atas 23 buah estet yang menghadapi kekurangan tenaga kerja yang sangat serius, telah mendapati kekurangan sebanyak 74.2% daripada keperluan sebenar. Negeri-negeri yang paling teruk mengalami kekurangan tersebut ialah Johor, Pahang, Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah juga meneliti faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor tersebut dan kemungkinan membenarkan kemasukan pekerja-pekerja asing bagi mengatasi masalah itu.

Hasil daripada kajian-kajian yang telah dijalankan, Kerajaan telah berpendapat, pada masa ini pekerja-pekerja asing adalah diperlukan dan dasar-dasar serta cara pengambilan pekerja-pekerja asing itu masih dalam pertimbangan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kajian-kajian yang telah dijalankan itu memasukkan faktor penipuan yang dilakukan oleh pemborong-pemborong terhadap tenaga pekerja ini seperti tidak membayar ganjaran yang setimpal kepada mereka atau tidak membayar gaji langsung kepada mereka yang menyebabkan pekerja-pekerja ini menghadapi masalah kekurangan makanan? Jika ya, apakah tindakan-tindakan yang boleh dilakukan oleh Kementerian ini terhadap pemborong-pemborong tersebut jika perkara ini benar-benar berlaku?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, kajian yang saya maksudkan tadi ialah kajian tentang kekurangan tenaga buruh dan keperluan-keperluannya. Tetapi perkara yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah satu perkara lain iaitu satu perkara perbuatan menyalahi Ordinan Kerja, 1955 di mana majikan-majikan menganiyai pekerja-pekerja mereka, tidak membayar gaji mengikut sepatutnya dan kes-kes seumpama ini sudah tentu akan disiasat oleh Jabatan Buruh sekiranya aduan dikemukakan oleh pekerja-pekerja yang berkenaan itu yakni pekerja-pekerja yang sah diakui sebagai pekerja-pekerja di dalam negara kita ini.

Tuan Lee Lam Thye: Suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada benar bahawa 3 buah Kementerian telah menubuhkan satu Pasukan Petugas (Task Force) bagi tujuan untuk mengkaji masalah kekurangan buruh dan juga bagaimana hendak mengatasi masalah tenaga buruh haram di negara ini, dan jika benar, saya suka mendapat tahu apakah rekomendasi-rekomendasi ataupun syor-syor yang telah dibuat oleh Badan ini dan sama ada rekomendasinya telah dikemukakan kepada Kabinet?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, memang benar masalah ini melibatkan beberapa agensi Kerajaan dan juga pihak-pihak swasta sebagaimana yang saya sebutkan di permulaan jawapan saya tadi. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu Kementerian-kementerian yang terlibat ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan Kementerian Perusahaan Utama di mana Kementerian-kementerian yang berkenaan itu

juga terlibat dengan kerja-kerja perladangan di bawah Kementerian masing-masing.

Berhubung dengan syor-syor daripada kajian-kajian yang telah dibuat bersama oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan yang dimaksudkan itu telah pun dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan dan sebagaimana juga telah saya jelaskan di dalam jawapan saya tadi bahawa Kerajaan mendapati memang betul kekurangan tenaga kerja terdapat di ladang-ladang, terutama sekali di estet-estet dan Kerajaan juga mendapati bahawa perlu pekerja-pekerja asing itu dibawa masuk ke negara ini pada masa ini dan langkah-langkah serta cara-cara bagaimana hendak membawa pekerja-pekerja dari negara asing itu sedang di dalam pertimbangan. Jadi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat memberi penjelasan butir-butir tentang langkah-langkah yang masih dalam pertimbangan itu.

Tuan Fung Ket Wing: (*Dengan izin*) I would like to ask the Deputy Minister of Labour, in his reply he said that a study is being carried out on the illegal immigrant workers because the country is facing shortage of labour force. But the question is, if the Government has the intention to recruit foreign workers, then it must pass the proper legislation to control the influx of foreign labour. But what we are asking here is the foreign workers who are already in the country; they are illegal immigrants, whether there is any step taken for the control of this labour force?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soal pekerja-pekerja atau pendatang-pendatang haram yang masuk ke negeri ini, mereka ialah dianggap sebagai memasuki negara ini secara haram dan melanggar undang-undang dan tindakan-tindakan diambil oleh pihak-pihak berkenaan yang

bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang Dipertua, daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu nampaknya tenaga buruh yang kita perlukan begitu tinggi sekali dan kita sedar bahawa selama ini sudah banyak tenaga-tenaga buruh daripada negara jiran dibawa masuk secara haram oleh pihak-pihak tertentu. Jadi, adakah pihak Kerajaan bercadang tenaga buruh yang dibawa masuk secara haram setakat ini akan diserapkan dalam senarai pengambilan baru tenaga buruh yang akan dilakukan oleh pihak Kerajaan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soal itu tidak timbul kerana sebagaimana yang saya jawab tadi, yang haram itu tetap haram.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang mengambil balik pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura untuk mengganti tenaga buruh pendatang haram di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua: Soal itu tidak bersangkut.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan bercadang supaya pendatang-pendatang haram diberi kebenaran menjadi ahli Kesatuan Sekerja di negara ini memandangkan tidak ada peruntukan yang jelas (*express provision*) terdapat dalam Akta Perhubungan Perusahaan (*Industrial Relations Act.*) Kalau ya, apakah langkah-langkah yang diambil supaya mereka tidak menyalahgunakan hak mereka sewaktu menjadi ahli-ahli Kesatuan Sekerja tersebut seperti mereka akan menjadi kuat dalam Kesatuan Sekerja tersebut.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soal ini juga sama sebagaimana soalan yang saya jawab tadi.

Tuan Yang Dipertua: Kalau haram itu macam mana hendak jadi ahli kesatuan atau apa-apa.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Menurut keterangan dari Timbalan Menteri yang berkenaan dalam jawapannya mengatakan kekurangan pekerja-pekerja dalam ladang-ladang sahaja. Adakah kekurangan ini di dalam bidang yang lain seperti pembinaan dan lain-lain tempat.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sektor perladangan dan perkebunan, adalah juga didapati kekurangan tenaga kerja di sektor pembinaan tetapi tidaklah segenting kekurangan yang dihadapi di dalam sektor pertanian tersebut. Lain-lain sektor sungguhpun ada kekurangan tetapi adalah dijangka dapat ditampung dengan sumber-sumber tenaga kerja yang boleh didapati di dalam negara sekarang ini.

Datuk Lee Kim Sai: Soalan tambahan. Memandangkan pekerja-pekerja asing itu kurang memahami kedudukan atau keadaan negara atau masyarakat sekeliling mereka di situ, adakah Kerajaan bercadang supaya satu penerangan ataupun satu kursus orientasi diberi kepada mereka sebagai pekerja asing.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana juga saya telah terangkan dalam jawapan saya tadi bahawa cara-cara pengambilan pekerja-pekerja asing ini masih di dalam pertimbangan dan saya percaya perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga akan dipertimbang, ini termasuk cara bagaimanakah pekerja-pekerja asing itu boleh dibawa masuk ke negara kita ini sama ada dengan mengadakan pindaan undang-undang dan sebagainya dan begitu juga sama ada perlu diadakan orientasi dan lain-lain syarat

yang patut. Ini semua termasuk di dalam perkara-perkara yang sedang ditimbang dan tidaklah dapat kita tentukan sekarang ini sehingga pertimbangan itu dapat membuat satu keputusan yang muktamad.

HAIDRO ELEKTRIK DI PLAGUS, KAPIT

6. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau akan meneruskan rancangan membina projek Haidro Elektrik di Plagus, Kapit atau menarik balik rancangan ini memandangkan kemerosotan ekonomi negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Kerajaan mempunyai cadangan untuk membangunkan projek Haidro Elektrik di Pelagus, Kapit Sarawak tetapi projek ini masih lagi dalam peringkat kajian. Kajian ini dijalankan oleh Pakar Perunding dari Jerman Barat, iaitu di bawah Rancangan Bantuan Teknik Kerajaannya, yang meliputi dua projek, iaitu Bakun dan Pelagus.

Kajian tersebut dijangka siap pada penghujung tahun ini. Satu laporan mengenai Kajian Permulaan tersebut akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk kajian teliti sebelum dibuat keputusan mengenainya. Disebabkan kedua-dua projek haidro ini merupakan projek haidro yang terbesar pernah dirancang oleh Kerajaan, adalah wajar supaya sebarang keputusan yang akan diambil terpaksa didasarkan kepada laporan tersebut, baik dari segi teknik atau ekonominya. Oleh yang demikian, Kerajaan masih belum membuat keputusannya sama ada akan meneruskan atau menarik balik projek tersebut, sehingga kajian berkenaannya disiapkan dan dikaji oleh pihak Kerajaan.

ROMBONGAN PERDAGANGAN MALAYSIA KE CHINA

7. Datuk Edwin Anak Tangkun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah hasil telah tercapai berikutan ramai rombongan perdagangan dari Malaysia ke negara China pada tahun 1982 dan nyatakan cara-cara perdagangan Malaysia dengan China pada hari ini dan masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1982 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menghantar satu sahaja rombongan perdagangan rasmi ke Republik Rakyat China iaitu pada 1hb hingga 17hb Mei, 1982 yang lalu. Rombongan ini mengandungi 18 orang anggota terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan dan wakil-wakil pengeksport keluaran kilang-kilang Malaysia. Tujuan rombongan ini adalah untuk menggalakkan eksport barang-barang keluaran kilang dengan mengkaji peluang pasaran di negara itu dan sebagai susulan kepada rombongan perdagangan pada bulan Oktober, 1980.

Rombongan ini telah berjaya menubuhkan pertalian perdagangan secara terus dengan tujuh buah Perbadanan Import/Eksport Negeri China. Rombongan ini juga telah memperolehi pesanan percubaan daripada pihak-pihak tersebut untuk membeli papan lapis Malaysia jenis 3 mm sebanyak 1,000 meteri padu yang bernilai kira-kira M\$750,000. Rundingan juga telah diadakan antara wakil-wakil pekilang papan lapis Malaysia dengan pihak China untuk membeli sebanyak 1,000 meter padu lagi papan lapis dari Malaysia. Apa yang lebih penting lagi hasil dari lawatan ini ialah pihak RRC kemudiannya segera membuat lawatan balas dengan menghantar satu rombongan perdagangannya seramai

12 orang ke Malaysia iaitu dari 16hb hingga 26hb Ogos, 1982.

Hasil daripada lawatan balas oleh Rombongan Perdagangan China ini, kita telah berjaya menjual bahan-bahan utama bernilai kira-kira \$6,000,000 juta ringgit iaitu terdiri daripada minyak kelapa sawit diproses (jenis olein, stearin dan kernel) berjumlah lebih daripada 3,500 metrik tan yang bernilai M\$3.7 juta sementara kayu-kayan dan papan lapis berjumlah 5,500 meter padu bernilai kira-kira \$1.9 juta. Pembelian China terhadap papan lapis berjumlah 1,000 meter padu adalah hasil daripada rundingan awal semasa rombongan perdagangan Malaysia melawat negara itu pada bulan Mei.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada awal tahun ini juga satu rombongan kayu-kayan RRC telah melawat Malaysia dan telah membeli hasil perkayuan bernilai kira-kira M\$18 juta iaitu meliputi 12,900 meter padu kayu bergergaji, 300 meter padu 'veneer' dan 150 meter padu "blackboard".

Pada tahun 1981, perdagangan dua hala antara Malaysia dengan RRC berjumlah M\$875 juta iaitu lebih kurang 1.6% daripada jumlah perdagangan luar Malaysia. Dari segi imbalan perdagangan didapati Malaysia telah mengalami kurangan (deficit) dari M\$89.6 juta tahun 1979 menurun kepada M\$79.7 juta dalam tahun 1980. Walau bagaimanapun jumlah kurangan yang diterima pada tahun 1981 meningkat kepada M\$428.5 juta. Ini adalah disebabkan jumlah import Malaysia dari China terus meningkat dari M\$486.9 juta pada tahun 1979 kepada M\$550.9 juta di tahun 1980. Walau bagaimanapun negara China merupakan rakan perdagangan Malaysia yang penting di kalangan negara-negara Sosialis di dunia. * Dengan adanya dasar "Buka Pintu" dan langkah-langkah permodenan

(the four modernisations), adalah dijangka permintaan China ke atas bahan-bahan mentah dan barang-barang keluaran kilang dan separa perkilangan akan meningkat, walaupun pembelian China mengutamakan dari segi pembelian barangan modal dan Teknologi.

Di dalam hubungan ini Malaysia menganggap bahawa negara China yang mempunyai penduduk lebih kurang 1 ribu juta itu akan memberi peluang pasaran yang luas bagi barang-barang Malaysia. Di samping itu China juga merupakan sumber import yang penting terutamanya import ke atas bahan-bahan makanan di mana pada tahun 1981 RRC menyumbangkan 6.5% daripada jumlah keseluruhan import bahan-bahan makanan Malaysia.

Kejatuhan jumlah perdagangan antara Malaysia dengan RRC pada tahun 1981 adalah disebabkan oleh kemerosotan jumlah pembelian China ke atas bahan-bahan utama dari Malaysia seperti getah asli, minyak kelapa sawit dan kayu bergergaji, di mana bahan-bahan tersebut merupakan 90% daripada eksport Malaysia ke RRC. Kemerosotan import China ke atas bahan-bahan utama itu adalah kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia dan program pengubahsuaian ekonomi negara China.

Kerajaan sedang dan akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti galakan eksport barang-barang utama dan keluaran kilang dan separa perkilangan. Pada masa ini galakan perdagangan antara Malaysia dengan RRC dilaksanakan melalui penghantaran rombongan perdagangan rasmi Malaysia ke negara China secara tetap dan juga lawatan rombongan perdagangan negara itu ke Malaysia dan pada tahun 1983 kita akan menghantar lagi rombongan perdagangan ke RRC. Selain dari itu, aktiviti galakan perdagangan dengan

RRC juga dikendalikan oleh pihak PERNAS melalui lawatan ke Pamiran Perdagangan Guangzhou, yang diadakan dua kali setahun, iaitu di Musim Bunga dan Musim Luruh. Pada masa-masa yang lalu penyertaan kita di Pamiran Guangzhou itu mengutamakan tujuan untuk membeli barang-barang keluaran China. Tetapi pada masa ini rombongan perdagangan yang dihantar ke Pamiran Guangzhou juga mementingkan tujuan untuk mencari pasaran eksport barang-barang keluaran Malaysia ke China di samping tujuan mengimport barang-barang keluaran China.

Selain daripada lawatan perdagangan ke Pamiran Perdagangan Guangzhou, Malaysia juga menyertai Pamiran Mini Perdagangan di RRC yang semakin terkenal di RRC pada masa ini. Pada tahun 1982 kita mengadakan 3 kali lawatan ke Pamiran Mini yang telah diadakan di RRC iaitu di Hangzhou, Shanghai dan di Liaoning untuk mencari peluang-peluang pasaran yang lebih luas ke atas barang-barang keluaran Malaysia terutamanya barang-barang keluaran kilang dan separa perkilangan di China serta membeli barang-barang keluaran China.

Tuan Yang Dipertua: Saya tidak benarkan soalan tambahan. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 8 hingga 19 adalah diberi di bawah ini)

LAPANGAN TERBANG BARU SIBU

8. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan Negeri Sarawak menyampaikan cadangan atau pelan-pelan lapangan terbang baru Sibu dan memohon peruntukan wang bagi pembinaannya. Jika ada, bila akan mula dibina, dan jumlah perbelanjaannya berapa.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Pembinaan sebuah lapangan terbang baru bagi Sibu adalah di antara projek-projek yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke Empat. Tapak yang sesuai baginya telah pun diperolehi iaitu terletak lebih kurang 20 km ke arah Tenggara Lapangan terbang Sibu yang ada. Buat masa ini pihak Juruperunding sedang menjalankan kerja-kerja penyediaan rekabentuk terperinci (detailed design) yang dijangka siap pada awal tahun 1983. Kerja-kerja pembinaan pula dijangka dapat dimulakan pada tahun 1984 dan keseluruhan projek ini dijangka siap dalam tahun 1986. Lapangan terbang baru ini akan dapat menampung keperluan dan pendaratan pesawat Airbus.

Projek ini keseluruhannya dianggar akan menelan perbelanjaan sebanyak \$208 juta dan peruntukan semasa yang diperolehi di bawah Rancangan Malaysia Ke Empat setakat ini ialah \$55 juta.

MARA—LANTIKAN PENGARAH

9. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah benar yang anak-anak syarikat MARA masih lagi melantik orang-orang yang berpencen dari MARA menjadi pengarah anak-anak syarikat itu, kalau benar mengapa; adakah benar MARA sekarang ini telah gagal untuk membantu Bumiputera dan adakah benar sejumlah peratus telah diuntukkan bagi menolong bukan Bumiputera dalam pelajaran dan adakah benar kenaikan pangkat dalam pentadbiran MARA tidak mengikut Perintah Am Kerajaan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid):

- (a) MARA tidak pernah melantik orang-orang yang berpencen dari MARA menjadi pengarah

dalam mana-mana anak-anak syarikatnya. Malahan pada hari ini tidak ada seorang pun yang berpencen dari MARA yang masih memegang jawatan dalam anak-anak syarikat MARA.

- (b) Dakwaan kedua daripada Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar, kerana melalui program-program yang disusun oleh MARA dalam bidang-bidang seperti pelajaran, pembangunan usahawan dan infrastruktur, MARA telah berjaya melahirkan usahawan-usahawan Bumiputera dan Bumiputera yang terpelajar dalam berbagai-bagai bidang professional dan pengurusan. Di samping itu juga ramai yang telah mendapat menafaat dan faedah daripada kemudahan-kemudahan perniagaan seperti ruang niaga, pinjaman dan khidmat nasihat.
- (c) Bagi menjawab bahagian ketiga soalan daripada Ahli Yang Berhormat MARA tidak ada sebarang peruntukan untuk bukan Bumiputera dalam pelajaran.
- (d) Akhirnya adalah tidak benar sama sekali dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar yang menyatakan kenaikan pangkat dalam pentadbiran MARA tidak mengikut Perintah Am Kerajaan. Bahkan semua proses dan urusan bersabit dengan perjawatan baik dari segi pengambilan, latihan, disiplin dan kenaikan pangkat mahupun dalam lain-lain hal harian adalah selaras dengan peraturan dan kehendak Perintah Am Kerajaan dan lain-lain arahan Jabatan Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa.

PEMBERIAN BANTUAN MODAL

10. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak Pemberian Bantuan Modal telah dibelanjakan pada tahun 1982.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Ting Hong): Pemberian Bantuan Modal yang telah dibelanjakan pada tahun 1982 iaitu sehingga bulan September, 1982 adalah berjumlah \$4,497,600/-.

PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH—AUDIT

11. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan bilangan tahun yang Kerajaan Negeri Sabah tidak menghantar laporan kewangannya kepada Ketua Audit Negara bagi maksud audit dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyegerakan perkara tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah telah dihantar kepada Ketua Audit Negara setiap tahun bagi maksud audit dalam tempoh 7 bulan selepas akhir tahun kewangan yang berkenaan seperti yang dikehendaki oleh Akta Audit.

Misalnya Penyata Kewangan bagi tahun 1977 hingga tahun 1981 telah diterima di Pejabat Audit Sabah pada tarikh-tarikh berikut:

Penyata Kewangan Bagi Tahun	Tarikh diterima oleh Pejabat Audit
1977	7-7-1978
1978	23-7-1979
1979	18-7-1980
1980	29-6-1981 (yang lengkap pada 5-10-1981)
1981	30-6-1982

Surat Akuan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan itu masing-masing telah dikeluarkan apabila siap diperiksa, tetapi surat

akuan itu tertakluk kepada Laporan Audit lebih lanjut yang dikeluarkan kemudiannya. Tujuan diberi surat akuan audit lebih dahulu ialah supaya penyata itu boleh dicetak untuk dibentang dalam Dewan Perundangan Negeri Sabah. Tarikh dikeluarkan surat-surat akuan tersebut ialah seperti berikut:

Penyata Kewangan Bagi Tahun	Tarikh Surat Akaun Audit
1977	30-11-1978
1978	12-11-1980
1979	11-8-1981
1980	31-3-1982
1981	Penyata dan Akaun-akaun sedang diperiksa

Laporan Audit yang dicetak mengenai Penyata Kewangan 1977 telah dipersembahkan kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 14 Oktober 1982, dan laporan mengenai Penyata Kewangan 1978 sedang dicetak. Laporan Audit mengenai Penyata Kewangan 1979, 1980 dan 1981 sedang disediakan sementara menunggu penjelasan-penjelasan dan maklumat-maklumat tambahan yang perlu daripada pejabat-pejabat negeri. Walau bagaimanapun, Ketua Audit Negara telah menghantar beberapa pegawai audit tambahan dari Semenanjung ke Pejabat Audit Sabah untuk mempercepatkan proses memeriksa kira-kira Kerajaan Negeri oleh kerana bilangan pegawai-pegawai audit yang berpengalaman di sana tidak cukup.

DOKTOR KERAJAAN LETAK JAWATAN

12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai doktor-doktor Kerajaan yang meletak jawatan kerana menjalankan perniagaan sendiri, keluar negeri ini ke negara lain kerana kebimbangan berlaku sesuatu terhadap negara ini dan doktor yang menjalankan tugas

lain daripada professionya pada tahun 1981 dan 1982 ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' Lee Boon Peng): Saya suka memberitahu Yang Berhormat bahawa seramai 765 orang Pegawai Perubatan dan 84 orang Pakar-pakar telah meletakkan jawatan sejak 5 tahun yang lepas. Pada tahun 1981, jumlah pegawai-pegawai perubatan yang telah meletakkan jawatan ialah seramai 182 orang manakala pada tahun 1982 iaitu setakat 30hb September 1982 ialah seramai 158 orang. Disamping itu, pakar-pakar yang telah meletakkan jawatan dalam tahun 1981 ialah seramai 12 orang dan pada tahun 1982 iaitu setakat 30hb September 1982 ialah seramai 9 orang.

Doktor-doktor yang meletakkan jawatan dari Kementerian ini tidak memberikan apa-apa sebab yang tertentu. Ini adalah kerana mereka tidak dikehendaki untuk melakukan demikian mengikut syarat-syarat perkhidmatan yang berkuatkuasa sekarang. Walau bagaimanapun kadangkala doktor-doktor ada juga memberi sebab-sebab perletakan jawatan tetapi atas sebab-sebab peribadi.

Oleh yang demikian, adalah sukar untuk Kementerian Kesihatan menyatakan kepada Yang Berhormat akan bilangan doktor kerajaan yang meletakkan jawatan untuk berkhidmat di luar Malaysia atau bilangan doktor-doktor yang menjalankan kerja lain selain daripada professionya.

TUNTUNAN VIDEO

13. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan tidak boleh memaksa untuk menarik balik minat penonton-penonton kepada program RTM yang buruk

dengan kuatkuasa perundangan contohnya kuatkuasanya atas tuntunan Video, tetapi RTM seharusnya mengeluarkan apa yang dikehendaki oleh majoriti penontonnya;

- (b) apa rancangan beliau mempunyai untuk meningkatkan mutu program yang kualitinya buruk, membosankan dan tidak imaginatif yang sedang ditayangkan di TV agar penonton-penonton tertarik kepada program di RTM; dan
- (c) bagaimana beliau hendak mendamaikan persepsi yang berselisih dengan RTM menggunakan TV untuk memberitahu dan mengajar dengan mereka yang menonton TV bagi hiburan dan kesenangan sahaja.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Hujjah yang pernah saya buat mengenai video adalah bertujuan untuk menyedarkan rakyat bahawa dari kepentingan sosial dan moral perkembangan aktiviti yang menggunakan rakaman-rakaman video secara tidak terkawal akan merugikan kita sebagai individu, masyarakat dan bangsa. Ini adalah kerana sebahagian daripada rancangan-rancangan video itu mengandungi unsur-unsur negatif seperti adegan-adegan yang berupa kebudayaan Kuning. Sebaliknya pula kandungan rancangan-rancangan RTM adalah dikawal. Justeru itu jika masyarakat mempunyai pilihan menonton kedua-dua jurusan media ini mereka haruslah menonton TV Malaysia atau menonton rancangan-rancangan video yang dikawal.

Saranan saya untuk mengadakan cara atau kaedah, mungkin juga menerusi perundangan bagi mengawal pengaruh video adalah semata-mata terhadap aspek negatifnya dan untuk menghindarkan perkembangan yang bercanggah dengan aspirasi negara

terhadap satu pembinaan bangsa yang bersatu dan bermoral. Bukanlah menjadi tujuan saya untuk menarik penonton-penonton itu kepada rancangan RTM Sahaja (solely) tetapi ialah untuk memelihara mereka, terutamanya anak-anak mereka, dari pendedahan kepada rancangan-rancangan yang separuh lucu atau seratus peratus lucu, keganasan dan kebudayaan kuning yang terdapat dalam rancangan-rancangan video. Ini adalah sama dengan perundangan mengenai filem-filem "X-Rated" yang ditonton di panggong-panggung wayang satu masa dahulu.

RTM dapat mengenal pasti rancangan-rancangan yang disukai ramai oleh penonton-penonton dari hasil penyelidikan "Survey Research Malaysia" dan lain-lain sumber penyelidikan. Kesan-kesan balas yang diperolehi menunjukkan bahawa majoriti penonton suka-rakan rancangan-rancangan seperti "Dallas", "Charlie's Angles", "Hart To Hart", dan lain-lain filem yang diimport.

Mengenai soalan kedua dan ketiga dari Yang Berhormat itu, saya tidak setuju bahawa rancangan-rancangan TV kita, kualitinya buruk, membosankan dan tidak imaginatif. Kita tidak boleh membandingkan penerbitan rancangan-rancangan tempatan dengan penerbitan Hollywood yang sumber kewangan, peralatan, kepakaran, pasaran dan lain-lain lagi, beratus-ratus kali ganda lebih besar dan maju daripada kita.

Suka saya menjelaskan di sini bahawa objektif RTM adalah menyentuh tiga bidang tertentu iaitu penerangan, pendidikan dan hiburan. Di samping itu RTM juga memainkan peranan sebagai "Trend Setter" iaitu memupuk perpaduan

dan menggalakkan perkembangan kebudayaan kebangsaan.

PERKESO (SOCO)— MEMPERLUASKAN FAEDAH

14. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk 'revamp' SOCO serta memperluaskan faedah-faedah SOCO untuk pekerja-pekerja kerana sekim SOCO sekarang telah menjadi sebuah institusi gergasi (Monstrous) yang mengeksploitkan para pekerja.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Mak Hon Kam): Adalah tidak benar sama sekali jika dikatakan bahawa Sekim SOCO atau PERKESO telah menjadi institusi gergasi yang mengeksploitkan para pekerja. PERKESO memerlukan kedudukan kewangan yang kukuh untuk mengendalikan pembayaran pampasan dan pengendalian rancangan-rancangan lain bagi faedah pekerja-pekerja. Jumlah wang dalam kumpulan wang PERKESO akan digunakan bagi faedah pekerja-pekerja sendiri selaras dengan perakuan aktuari yang menjalankan kajiannya dari masa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sekim PERKESO sedang berjalan dengan licin dan kajian tentang kumpulan wang PERKESO dan cara-cara untuk memberi faedah-faedah tambahan kepada pekerja-pekerja sedang dijalankan. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang hendak 'revamp' PERKESO. Walau bagaimanapun Kementerian saya akan memperkemaskan lagi sistem pentadbiran PERKESO supaya ianya berjalan dengan lebih licin dan akan mengkaji faedah-faedah di bawah Sekim PERKESO dari masa ke semasa supaya faedah-faedahnya setimpal dengan perubahan masa.

SEMPADAN PERAK/SEBERANG PERAI

15. Tuan Abdul Raman bin Suliman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar mengikut Jabatan Ukur sempadan rasmi di antara Perak dengan Seberang Perai ialah Sungai Krian dan bukan jalan raya seperti yang ada sekarang.
- (b) jika sedar apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbetulkan keadaan ini.
- (c) jika keadaan yang wujud sekarang adalah rasmi, sama ada beliau akan mengkaji semula sempadan tersebut kerana keadaan yang wujud sekarang tidak begitu tepat dan harus diperbetulkan untuk keberkesanan pentadbiran.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):

- (i) Mengikut rekod-rekod yang ada di Jabatan Ukur dan Pemetaan, sempadan rasmi di antara Perak dengan Seberang Perai adalah bermula dari titik pertemuan Sungai Kerian dengan Sempadan Jalan Raya (Boundary Road) di Timur, dan mengikut jalan raya itu hingga sampai ke pantai Selat Melaka di Barat.

Ini berdasarkan kepada Engagement 1874 Schedule XII dan Perjanjian Pangkor 1933 yang telah ditandatangani oleh Sultan Perak dan Governor of the Straits Settlement.

- (ii) Bagi soalan (b) dan (c), tidak ada apa-apa langkah yang akan atau sedang diambil untuk memperbetulkan keadaan. Garis sempadan yang

rasmi ini adalah tepat dan mengikut definasi yang termaktub di dalam dokumen-dokumen tersebut di atas.

PERGADUHAN DI JALAN PENRISSEN, KUCHING

16. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan tatatertib yang telah diambil terhadap anggota-anggota pasukan keselamatan yang terlibat dalam peristiwa di Bazar Batu 7, Jalan Penrissen, Kuching, pada 18hb Januari 1981; jumlah pampasan yang dibayar atas kerosakan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Berhubung dengan peristiwa yang berlaku di Batu 7, Penrissen, Kuching, Sarawak setahun yang lalu, ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini iaitu pihak polis di Kuching telah pun menamatkan penyiasatan mereka terhadap kes ini. Kes ini telah pun ditutup kerana pihak polis dapati sukar mendapatkan bukti-bukti lengkap yang berkaitan dengan kesalahan pergaduhan (*affray*) dan tiada bukti pengenalan (*Identification*) untuk menjayakan pendakwaan di mahkamah.

Memandangkan bahawa kes ini adalah serious dan boleh menjejaskan nama baik pasukan angkatan tentera seluruhnya, maka pihak tentera telah membuat penyiasatan terhadap peristiwa tersebut. Hasil dari penyiasatan tersebut beberapa orang anggota tentera telah menerima tindakan tatatertib dari Marsyal Polis Tentera mengikut Undang-undang Tentera. Hukuman tersebut adalah merupakan tahanan rapi dari 40 hingga 90 hari. Manakala Kerajaan Negeri pula telah membuat bayaran 'exgratia' sebanyak \$50,000.00 kepada pihak-pihak yang mengalami

kerosakan harta benda akibat peristiwa tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes ini sudah pun dianggap selesai.

**AKTA KESELAMATAN
DALAM NEGERI—
BILANGAN DIDAKWA**

17. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang yang didakwa dan disabit salah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam tahun 1978, 1979, 1980, 1981 dan sehingga 1-8-1982, beberapa dari mereka dikenakan hukuman gantung dan sudah pun menjalani hukuman, bilangan dari mereka yang hukuman gantung mereka itu diubah kepada hukuman penjara seumur hidup oleh Lembaga Pengampunan dan bilangan daripada mereka yang diampun dan dibebaskan oleh Lembaga Pengampunan baru-baru ini sempena dengan perayaan 25 tahun Merdeka; dan
- (b) jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri setakat 1-8-1982 dan bilangan yang dibebaskan dengan perayaan 25 tahun Merdeka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jawapan kepada soalan (a) ialah bilangan orang-orang yang didakwa dan disabit salah di bawah Akta Keselamatan Dalam

Negeri 1960 dan dikenakan hukuman gantung dalam tahun:

(i) 1978	1 orang
(ii) 1979	3 orang
(iii) 1980	15 orang
(iv) 1981	9 orang
(v) 1982 (sehingga 1-8-82) ..	3 orang
	31 orang

Daripada jumlah tersebut seramai 11 orang telah pun menjalani hukuman gantung. 6 orang lagi telah diringankan hukuman mati kepada penjara seumur hidup oleh Lembaga Pengampunan. Tidak ada seorang pun daripada mereka yang dihukum mati bagi tahun-tahun di atas yang diampun dan dibebaskan sempena dengan Hari Ulang Tahun ke 25 Kemerdekaan baru-baru ini.

Jumlah orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sehingga 1-8-1982 adalah seramai 377 orang. Sukalah saya menegaskan di sini bahawa pembebasan seramai 47 orang tahanan pada 30-8-1982 yang lalu adalah merupakan pembebasan mengikut proses yang biasa iaitu setelah kerajaan meneliti perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat dan Kerajaan berpuas hati yang pembebasan mereka tidak lagi mengancam keselamatan negara. Pembebasan ini tidak ada kena mengena dengan mengambil sempena perayaan 25 tahun kemerdekaan yang jatuh pada 31-8-1982. Hari Pembebasan mereka yang jatuh pada Hari Ulang Tahun Kemerdekaan adalah secara kebetulan sahaja.

**PENDATANG HARAM
INDONESIA—KES JENAYAH**

18. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah kes-kes jenayah yang dilakukan oleh pendatang haram Indonesia dan apa langkah untuk mencegah jenayah tersebut.

Dato Musa Hitam: Nampaknya soalan ini terlalu umum, walau bagaimanapun perangkaan sejak 1-1-1977 hingga September, 1982 adalah sebanyak 302 kes jenayah telah dikenalpasti dilakukan oleh mereka. Angka ini hanya menunjukkan 0.67% dari jumlah jenayah semuanya.

Kerajaan telah pun menangkap, mendakwa dan mengusir keluar mereka itu. Selain dari tindakan undang-undang, Kerajaan melipat gandakan rondaan-rondaan di laut dan di darat sepanjang sempadan negara. Serbuan-serbuan telah dilakukan ke tempat-tempat yang disyaki menjadi tumpuan penjenayah.

Kerajaan bukan sahaja memben-teraskan kegiatan jenayah mereka bahkan juga berusaha mencegah kemasukan mereka itu.

FELDA—PENEROKA WANITA

19. Datin Paduka Zaleha binti Ismail minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menyelesaikan jenerasi kedua (terutama wanitanya) dalam rancangan-rancangan FELDA tidak mendapat pekerjaan.

Dato' Rais Yatim: Untuk mak-luman Yang Berhormat, tanggung-jawab utama FELDA ialah kepada peneroka itu sendiri namun demikian kegiatan pembangunan peneroka yang dirancang dan dilaksanakan turut memberi manfaat kepada seisi ke-luarga peneroka-peneroka. Sungguhpun dianggarkan bahawa tidak kurang dari 50% masyarakat rancangan terdiri dari anak-anak peneroka, tidak semua dari mereka bermastautin di rancangan. Kajian menunjukkan anak-anak peneroka yang tinggal di rancangan berkurangan dengan meningkatnya umur mereka kerana keluar rancangan untuk bekerja atau mencari pekerjaan. Anak-anak peneroka yang masih menetap di

rancangan adalah mereka yang mem-bantu ibu bapa mereka atau membuat kerja-kerja tertentu di rancangan. Mereka ini tidak mempunyai ke-lulusan akademik yang baik ataupun tidak cukup untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan di luar.

FELDA memberi tumpuan kepada mereka yang tinggal di rancangan dengan memberi latihan kemahiran tertentu bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan di rancangan dan di projek-projek FELDA serta juga sektor-sektor lain. Setakat ini latihan-latihan kemahiran yang diberikan adalah seperti Kursus Fitter Mekanik, Kursus Kajisawat Motor, Kursus Pertukangan Kayu dan Kursus Membaiki TV dan Radio untuk para belia. Manakala bagi beliawanis kursus yang diberi berbentuk Kursus Menaip, Kursus Kesejahteraan Keluarga, Kursus Guru Tadika, Kursus Kraftangan dan Kursus Jahitan.

Selain daripada diberi kursus-kursus di atas ada anak-anak peneroka diambil bekerja di FELDA sebagai Kerani, Pembantu Luar, Pekedai dan bekerja di kilang-kilang sawit dan getah FELDA. Selain daripada kursus-kursus yang dianjurkan oleh FELDA sendiri mereka ada diberi peluang latihan di institusi-institusi latihan yang terdapat di negara kita melalui Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA dan sebagainya.

Bidang perniagaan juga adalah satu bidang yang boleh diceburi oleh belia dan beliawanis ini. Dalam bidang ini kemudahan dan perkhidmatan sokongan, seperti pinjaman, rumah-kedai, khidmat nasihat akan diberi sesuai dengan perkembangan dan keperluan semasa.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSURAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Insuran, 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Kedua)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13, dan B. 14 (Jadual)—

Maksud P. 7, P. 8, dan P. 9 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

3.38 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, pada petang semalam saya

telah sebutkan tentang nilai-nilai yang buruk negeri Jepun dan saya memberi satu contoh yang saya berharap pihak Jabatan Perdana Menteri akan mempasti dan menentukan syarikat-syarikat Jepun di negara kita tidak akan mengeksploitasikan keadaan di sini misalnya hanya untuk mendapat bahan-bahan utama dan tenaga buruh yang jika dibandingkan dengan negara Jepun adalah lebih murah. Dan di sini saya akan mengulas tentang kejayaan di Jepun selepas Perang Dunia Kedua.

Negara Jepun pada pendapat saya mencipta kejayaan atas faktor-faktor yang tertentu termasuk ciri-ciri kebudayaannya unik yang tidak terdapat di sini dan dengan style pengurusan ekonomi dan dalam masyarakat Jepun syarikat-syarikat adanya kebajikan (welfare) kepada pekerja-pekerja untuk memupuk ketaatsetiaan kepada syarikat.

Yang kedua, di Jepun mereka mempunyai polisi perdagangan dan perindustrian yang menyeluruh, dan yang ketiga ini yang penting elite bureaucrat—golongan atasan yang ditubuhkan di negeri Jepun sama ada cara memupukkan elite bureaucratic ini sesuai untuk negara kita, kita masih hendak mengkaji dengan teliti. Akhirnya sekali semangat bersifat nasionalis bukan setakat bidang politik ataupun ketenteraan sahaja tetapi ke matlamat-matlamat negara secara collective, satu semangat nationalist. Inilah yang kita harus menimbangkan sama ada kita mempunyai semangat sebegini.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak membangkitkan perkara di bawah muka 51, Maksud Bekalan 7, Butiran 1100, Program (4)—Keselamatan Negara.

Pada 5hb November seorang penduduk Kampung Sharif bin Long, umur 50 tahun telah terbunuh dan dua lagi cedera akibat diserang oleh sekumpulan pengganas di suatu

kawasan kebun getah di Kampung Sat Kerdau dekat Temerloh. Kejadian ini berlaku, saya berpendapat dengan kecuaian Kerajaan dari segi keselamatan. Oleh itu, saya mendesak agar Kerajaan mempertingkatkan usahanya untuk keselamatan negara terutamanya di Kampung Sat Kerdau, dan saya berharap kejadian ini tidak akan berulang lagi.

Saya kembali ke muka 52, Maksud Bekalan 7, Butiran 1100, Program (7) dan muka 70, Maksud Pembangunan 7, Butiran 11.

Ini mengenai perkara yang penting yang saya suka sebutkan untuk Institut Penyelidikan Perpaduan Nasional. Ini berbangkit kerana saya ada baca kenyataan Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 9hb November. Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa pemupukan dan perkembangan kebudayaan kebangsaan tidak harus berdasarkan faktor politik dan demography semata-mata tetapi memerlukan perancangan yang teliti dan hati-hati.

Saya menyetujui bahawa pertumbuhan dan perkembangan kebudayaan kebangsaan memerlukan perancangan yang teliti dan hati-hati. Tetapi saya tidak bersetuju dengan semua faktor yang disebutkan. Memang terdapat banyak faktor lagi termasuk faktor paksa-memaksa yang hendak dielakkan kerana pada pendapat saya perkembangan kebudayaan berlaku secara semula jadi, secara tabiat, inilah yang penting. Dan kerana isu kebudayaan yang dibangkitkan dan akan dibangkitkan dari masa ke semasa ini penting bagi Pengarah Lembaga Perpaduan Nasional yang baharu, beliau pernah melaung-laungkan dengan suara yang begitu lantang mengenai kebudayaan semenjak beberapa tahun kebelakang. Saya berharap beliau tidak akan melepaskan batok di tangga sahaja dan sanggup serta berani menganalisa

dan melaksanakan apa yang telah diperkatakan tentang kebudayaan kebangsaan.

Menurut Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam hal kebudayaan hak-hak peribumi, warisan sejarah, faktor kesesuaian rationality dan ketulinan ciri-cirinya merupakan pertimbangan utama yang perlu diambil kira tanpa sebarang sifat imosi dan fanatik untuk mewujudkan sistem kebudayaan kebangsaan yang terhindar dari pencemaran. Dan inilah memandangkan isu kebudayaan merupakan satu isu yang mustahak bagi perpaduan nasional, Pengarah Lembaga Perpaduan Negara tidak sepatutnya gagal dalam tugas dan dalam hal pengembangan kebudayaan.

Tuan Pengerusi, muka 51, Maksud Bekalan 7, Butiran 1100, Program (1).

Pada malam semalam Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu ada membangkitkan tentang pengurangan elaun oleh Parlimen. Ini saya telah membaca Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Saya mendapat tahu di situ ada leader of the House Yang Amat Berhormat Menteri sendiri. Beliau kerana tugas yang begitu sebuk tidak pun dapat menghadiri Dewan yang mulia ini tetapi Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu tidak pernah membangkitkan hal ini. Ini saya berharap beliau akan melakukan keadilan bukan membangkitkan hal Ketua Pembangkang tetapi Ketua Kerajaan juga.

Tuan Pengerusi, menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Lembaga Industri Berat Malaysia (HICOM) yang dimiliki 100% oleh Kerajaan telah ditubuhkan dengan tujuan mengenal pasti, merancang, melaksana dan menguruskan projek-projek perindustrian berat. Di antara projek-projek yang terlibat termasuk memiliki 70% daripada equiti dalam perusahaan membuat kereta Malaysia

dan bakinya oleh syarikat asing. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menegaskan bahawa negara ini memang bercita-cita besar bukan sahaja mahu mengeluarkan enjin kapal terbang tetapi enjin roket sekali pun mahu dibuatnya. Dengan wujudnya HICOM dapatlah kita membuat sumbangan yang besar kepada pembinaan satu batu asas perindustrian yang menyeluruh dan pihak swasta boleh menyertai secara aktif dalam perindustrian downstream. Malangnya negara kita setakat ini tidak mempunyai—saya tekankan lagi, polisi perindustrian yang menyeluruh seperti yang terdapat di Jepun, misalnya. Setakat ini kita tidak memperoleh pakar-pakar dan tenaga-tenaga mahir yang cukup. Oleh itu kita masih ragu-ragu tentang kemampuannya untuk memastikan hasil pengeluarannya bersifat pertandingan (*competitive*) dan tanpa kehilangan kualiti atau mutunya.

Kegagalan mengeluarkan barang-barang pertandingan akan menyebabkan industri-industri yang mempunyai kos yang terlalu tinggi seperti mana yang terdapat dengan kilang-kilang memasang kereta sekarang, adalah lebih murah hanya 30% kos jika kereta-kereta tersebut dipasing di negara asalnya. Misalnya di Jepun. Ini suatu kelemahan dan kegagalan. Dengan keadaan ekonomi antarabangsa yang kian berubah walaupun kita mempunyai hasil-hasil utama petroleam dan gas asli akan tetapi kita tidak mampu lagi untuk menampung kesalahan-kesalahan yang besar. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri lebih berhati-hati tentang rancangan dan pelaksanaan mengenai isu-isu semacam pemilihan projek, pemilihan teknologi, perkembangan pengurusan, peranan syarikat-syarikat multi-national dan sebagainya. Tambahan pula pada tahun 1980an dan 1990an negara Jepun akan memajukan industrinya yang lebih

sophiskated dan dengan itu ia akan berhasrat untuk menempatkan setengah industri-industri tradisional dengan teknologinya yang telah tertinggal di negara-negara yang kurang maju seperti Malaysia.

Tuan Pengerusi, menyentuh muka surat 38, Maksud B .4 Suruhanjaya Pilihanraya, Butiran 1100, Aktiviti (1), (2), (3) dan (4).

Tuan Pengerusi, tahun ini Suruhanjaya Pilihanraya akan mengkaji semula persempadan bahagian-bahagian pilihanraya di negara ini. Pada 20hb Oktober, 1982, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberi huraian tentang hal rural weightage. Beliau mengatakan empat prinsip yang diperuntukkan di bawah Seksyen (2) Jadual 13 Perlembagaan yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk tujuan tersebut. Prinsip-prinsip ini termasuklah bilangan pemilih, luas kawasan, kemudahan-kemudahan untuk membolehkan dan menyenangkan pemilih-pemilih pergi membuang undi, kemudahan komunikasi dan perhubungan dan soal memelihara perhubungan tempatan. Saya menyedari bahawa perkembangan pertimbangan bilangan pemilih adalah salah suatu prinsip sahaja dan prinsip-prinsip yang lain hendaklah diperhitungkan. Maksud saya ialah kita harus memperhatikan perbezaan bilangan pemilih di setengah bahagian pilihanraya yang sangat ternyata, ada yang hampir 5 lima kali ganda bilangan pemilih kawasan tertentu.

Pada pendapat saya setelah mengambil kira semua prinsip tersebut sekiranya bilangan pemilih di setengah bahagian-bahagian pilihanraya di luar bandar adalah tidak kurang dari separuh bilangan pemilih di bahagian-bahagian pilihanraya di bandar, keadaan seperti ini boleh dianggap menasabah. Sekiranya nisbah lebih daripada dua berbanding dengan satu

seperti sekarang lima berbanding dengan satu, maka ini mestilah melahirkan perasaan tidak puas hati. Perpaduan negara boleh terjejas. Oleh kerana itu Lembaga Perpaduan Negara hendaklah mempertimbangkan perkara ini dan seterusnya saya berharap Pengarahnya akan berusaha untuk membantu Suruhanjaya Pilihanraya supaya mengubahsuaikan keadaan yang kurang sihat itu. Dari hal sistem perwakilan berkadar, saya juga menginsafi bahawa parti politik akan memilih wakil-wakil yang akan menganggotai Dewan ini berdasarkan kepada jumlah undi yang diperolehi oleh parti-parti politik itu dalam pilihanraya umum dan wakil-wakil tidak mewakili mana-mana bahagian pilihanraya.

Saya mengesyorkan bahawa sebahagian sistem pilihanraya kita patutlah meliputi perwakilan berkadar, bukan semua, sebahagian sahaja sistem yang diamalkan sekarang ini mempunyai pro dan kontra. Begitu juga dengan sistem perwakilan berkadar. Oleh itu saya mengesyorkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya memastikan bahawa nisbah rural weightage tidak melebihi dua berbanding dengan satu serta mempertimbangkan sistem perwakilan berkadar diserapkan sebagai sebahagian dari sistem pilihanraya yang diamalkan sekarang.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, menyentuh muka surat 51, Maksud Bekalan 7, Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri—memang nampaknya seorang Menteri sahaja dalam Jabatan Perdana Menteri sekarang—beliau telah mengumumkan pada 8hb November yang lalu bahawa skim baru untuk kenaikan pangkat kakitangan-kakitangan Kerajaan akan diadakan tidak lama lagi. Mengikut skim ini kakitangan yang tidak mempunyai sijil-sijil kelayakan tertentu boleh

naik pangkat berdasarkan kepada jasa, kecekapan, ketekunan dan pengalaman. Bagi bidang pentadbiran ini adalah satu langkah yang positif, yang wajar dan waras untuk semua kakitangan Kerajaan. Sebenarnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini sebahagian besar kakitangan Kerajaan yang tidak mempunyai sijil-sijil kelayakan tertentu telah diketepikan dan dilupakan begitu sahaja walhal mereka telah memberikan jasa yang sungguh baik.

Sekiranya skim tersebut dapat dilaksanakan maka sebahagian besar kakitangan Kerajaan akan muncul seperti pucuk yang layu disiram hujan dan saya mengesyorkan di sini agar Jabatan Perdana Menteri mempercepatkan proses untuk menyiapkan dan melaksanakan skim kenaikan pangkat baru itu untuk melaksanakan skim tersebut secara menyeluruh dalam bahagian pentadbiran. Dengan terlaksananya skim itu kita berharap perkhidmatan kakitangan Kerajaan akan bertambah baik, Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.10 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 1 berkenaan dengan Parlimen, Butiran 1100, Aktiviti 1—Pentadbiran Am, muka surat 29.

Tuan Pengerusi, memandang bahawa negara kita telah memasuki ruang suku abad usia kemerdekaannya dan juga merealisasikan hakikat bahawa Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang tertinggi di negara ini, maka sudah sampai masanya suatu perubahan besar patut dibuat dalam masalah pentadbiran di sini, bukan sahaja institusi ini patut seiring dan seirama dengan cogan kata bersih, cekap dan amanah malah patut

merupakan satu model terbaik bagi pentadbiran di seluruh negara. Apa yang saya akan sentuhkan adalah mengenai jawatan pegawai dari Setiausaha sehingga ke Pegawai Keraninya peluang naik pangkat tidak ada kepada mereka, kerana kita faham bahawa Parlimen ini adalah satu Jabatan Tertutup, sedangkan pegawai yang telah mencapai taraf maksima gajinya walaupun umur mereka masih muda, tetapi kenaikan pangkat mereka tertutup.

Saya lagi sekali menyanjung tinggi kepada kerja usaha yang telah dibuat oleh Yang Dipertua Dewan ini iaitu Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kerana saya telah melaung-laungkan supaya diadakan tempat riadah ataupun tempat mengeluarkan peluh bagi Ahli-ahli Parlimen telah pun ada disediakan di tempat-tempat itu, tetapi kalau boleh dapat kepada kami Ahli-ahli Parlimen ini yang mana dibuatkan satu squash, main bola tepi dinding. Maklumlah hendak keluar sudah tidak boleh kerana dasar era baru ini tidak boleh keluar nanti parti DAP bangun tidak cukup koram, itulah kerja mereka, kerja lain tidak ada.

Tuan Pengerusi, saya meneliti ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sejak tiga penggal iaitu tahun 1974 lagi saya tengok bahasanya tidak beradab, beliau beradab tetapi bahasanya tidak beradab. Jadi, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya dihapuskan sahajalah jawatan Ketua Pembangkang ini, kalau ada juga dalam peraturan Saraan Ahli-ahli Parlimen dengan membayar elaun Ketua Pembangkang ini, saya cadangkan juga dilantik daripada Ahli yang teramai iaitu BEBAS campur dengan PAS kerana BEBAS dan PAS pun tidak setuju, mereka pun memukul ataupun tidak mahu menyetujui apa ucapan-ucapan oleh Ketua Pembangkang yang ada hari ini

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ingat satu perkara yang lebih realistik ialah Ahli Yang Berhormat berkenaan letak jawatan daripada Barisan Nasional masuk Pembangkang.

Tuan Pengerusi: Itu bukan penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: dan baru boleh.

Tuan Pengerusi: Itu Yang Berhormat bukan penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah cara memilih seorang Ketua Pembangkang, barulah ada hak untuk soalkan cara memilih Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi: Saya ingat itu bukan penjelasan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Minta Maaf, Tuan Pengerusi, dia itu tegap orangnya, (Ketawa) Jadi kalau dapat saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya memilih lebih ramai lagi. Mereka ini sedikit, tetapi bahasanya tidak beradab, itulah sebabnya menghinakan Bangunan Parlimen yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh berkenaan dengan percetakan iaitu bilangan 1 muka surat 30, Butiran 2600, Aktiviti 1—Percetakan Parlimen hendaklah dibuat dengan sendirinya supaya lengkap, tidak payah Percetakan Kerajaan digunakan lagi kerana segala bil-bil dan juga kertas-kertas dapat dicetak dengan segera, undang-undang atau Akta-akta yang hendak dibawa dan sebagainya supaya dapat segera, tidak berlanjutan-lanjutan disebabkan percetakan di sana lambat.

Dalam pada itu saya mengucapkan tahniah kepada Pengerusi atau Tuan Yang Dipertua yang baru ini dapat menyediakan *Hansard* dengan sertamerta walaupun pekerja-pekerja tidak mendapat honorarium sebagaimana dahulu.

Satu lagi pihak Kerajaan patut juga memikirkan penggunaan komputer bagi meningkatkan lagi prestasi pentadbiran dalam menyimpan rekod-rekod atau butir-butir Ahli Dewan dan juga dalam memproses dan menguruskan Mesyuarat Dewan. Dalam hal ini saya percaya masalah kewangan tidak akan berbangkit.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula menyentuh Maksud Bekalan 7, Jabatan Perdana Menteri, Butiran 1100, Program (5) Pentadbiran Ugama Islam. Dalam Buku Program dan Prestasi 1983 muka surat 501 dinyatakan bahawa tujuan Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri ialah antara lain untuk memperbaiki, menyamakan dan menggalakkan persamaan undang-undang dan pentadbiran hal-hal Ugama Islam; dan mengkaji dan menyelidiki masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam berdasarkan Islam dan memberi pandangan dan perakuan bagi mengetahui masalah-masalah tersebut.

Memandangkan tujuan tersebut di atas yang amat baik dan boleh dikatakan amat indah dan suci, saya ingin menyatakan sudah sampai masanya pihak Kerajaan menghubungi pihak Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menyelaraskan segala pentadbiran undang-undang Islam atau hukum syarak yang ada sekarang. Saya difahamkan suatu draf pentadbiran undang-undang Islam dan undang-undang keluarga Islam telah disiapkan di peringkat Kerajaan Pusat atau jika diluluskan kelak akan dipakai kepada Wilayah Persekutuan. Saya berharap draf undang-undang tersebut dapat dikemukakan di Dewan

yang mulia ini dalam sedikit masa lagi untuk diluluskan dan dengan demikian akan dapat dijadikan sebagai contoh terbaik bagi pentadbiran ugama Islam di peringkat negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, cuma satu perkara sahaja yang saya ingin mengingatkan bahawa sebelum draf undang-undang tersebut sampai ke Dewan ini pihak Kerajaan patutlah memastikan bahawa peruntukan dalam undang-undang Islam yang membolehkan kaum bapa boleh mengamalkan poligami tidaklah patut dihalang atau kehilangan privilege tersebut.

Tuan Pengerusi, saya berasa musykil kerana Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan waktu Soal-Jawab Kerajaan mengharamkan minuman arak kepada orang Islam. Sependapat saya, saya tidak pernah menengok orang Islam kena tangkap atau didenda kerana minuman itu. Saya dapat faham bahawa di Telok Intan hampir 50% orang-orang Melayu minum todi. Jadi ini menunjukkan perkara minuman arak ini telah berleluasa dan penjualan-penjualan pun dijual di kedai-kedai sehingga kanak-kanak sekolah pun dapat membeli. Kadang-kadang ada ibubapa yang tidak ada pelajaran ugama terus menyuruh anak mereka membeli minuman, balik ke rumah dia minum, kadang-kadang diajaknya anak itu sama minum.

Tuan Pengerusi, terdapat juga beberapa hari yang sudah suratkhbar menyatakan Kerajaan akan menyiasat perkara makanan Islam yang boleh dimakan oleh orang Islam yang bertanda halal ataupun pembuatan makanan yang dibuat oleh bukan Islam boleh dimakan oleh orang Islam atau tidak. Kajian ini akan dibuat, tetapi ada satu perkara lagi kedai-kedai atau hotel-hotel besar, rumah-rumah rehat sentiasa menyediakan makanan Islam. Saya harap pihak Jabatan Perdana Menteri,

Bahagian Ugama Islam menyiasat hal ini sama ada di Wilayah dan negeri-negeri mengelakkan daripada orang-orang Islam supaya hapus jiwa Islam ini kalau makan barang-barang yang haram.

Begitu juga Tuan Pengerusi, bagi menyelaraskan ugama Islam iaitu hendaklah dikuatkan dakwah-dakwah ajaran ugama Islam bukan sahaja di TV, tetapi juga di sebaran am dan Jabatan Perdana Menteri hendaklah meliputi keseluruhan umat Islam menyediakan segala kertas-kertas supaya sebaran ini dapat dibaca oleh tiap-tiap orang Islam dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh pula tentang Maksud Bekalan 8, Butiran 1100, Aktiviti 1—Pentadbiran muka surat 72.

Saya difahamkan bahawa Jawatan Perkhidmatan Awam tidaklah mengalami kekurangan kakitangan. Sebaliknya, dari satu segi mempunyai lebih pegawai, apa yang saya maksudkan ialah terdapat pegawai-pegawai yang baru bertugas dari luar negeri ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam, kadang-kadang mereka tidak ada bilik, tidak ada tempat duduk, kerusi meja dan sebagainya.

Terdapat juga pegawai-pegawai yang bertugas dalam negeri yang ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam yang mengalami nasib yang sama seperti pegawai yang pulang bertugas dari luar negeri tetapi penempatan itu membiarkan pegawai tersebut seolah-olah menganggur beberapa lama, kadang-kadang sehingga setahun atau dua tahun. Alasan diberikan ialah kerana pegawai-pegawai berkenaan belum ditentukan tempatnya yang sesuai di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Saya percaya bahawa langkah yang tersebut merupakan satu pembaziran dan kerugian kepada negara kita kerana tentulah tidak wajar umpamanya Pegawai-pegawai

Ikhtisas diletakkan di Masjid Negara dan sebagainya sedangkan beliau layak menjadi Setiausaha Tetap Kementerian dan sebagainya.

Selain dari itu, saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan yang tegas bagi menyerapkan pemikiran yang sihat dan waras kepada kakitangan perkhidmatan awam khususnya yang beragama Islam sehingga tidak timbul tindakan-tindakan rasmi atau tidak rasmi yang asingkan orang-orang yang ingin menyerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan. Orang-orang yang berfahaman sempit yang menentang nilai-nilai Islam itu patutlah diminta mengundurkan diri dengan serta-merta dalam pentadbiran Kerajaan.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

4.12 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk bercakap bagi peringkat Jawatankuasa ini.

Saya akan bercakap Maksud Bekalan 1—Parlimen. Saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih kerana pada Parlimen kali ini kita mendapat Hansard dengan lebih cepat dan juga ini merupakan sikap bersih, cekap dan amanah telah pun diamalkan tetapi sebagaimana rakan saya yang sebelah tadi telah memperkatakan bahawa perkhidmatan di Parlimen ini patut diperbaiki dan diberi ganjaran-ganjaran yang sepatutnya dan dibuka lebih luas lagi kepada kenaikan pangkat. Dan juga kepada pegawai-pegawai bawahan yang menjalankan tugas lebih masa juga patut dipertimbangkan diberi, kita kata elaun lebih masa atau overtime yang sepatutnya kerana ini akan memberikan khidmat mereka lebih cekap lagi.

Selain dari itu saya amat dukacita kerana di dalam peruntukan ini tidak

ada peruntukan Pembangunan bagi Parlimen, jadi seolah-olah Parlimen kita ini telah pun lengkap dan tidak ada apa yang hendak dibangunkan atau diberi peruntukan baru bagi masalah pembangunan. Misalnya di Parlimen ini sepatutnya mempunyai bilik-bilik mesyuarat yang lebih luas dan lebih teratur dan juga mempunyai satu bilik sejarah yang akan menyimpan bahan-bahan sejarah yang ada berkaitan dengan Parlimen selain daripada untuk pelawat-pelawat tetapi untuk kenangan kepada negara kita.

Selain daripada itu juga saya suka hendak menyebut di sini soal Aktiviti 2, Mengurus Parlimen tetapi malangnya Ketua Pembangkang telah keluar. Mengikut Tuan Pengerusi bahawa perkataan 'biadap' tidak boleh digunakan dan 'binatang' tidak boleh digunakan tetapi Ketua Pembangkang telah tidak menarik perkataan 'binatang' yang digunakan dalam Dewan ini di dalam Ucapan Belanjawan 1983 dan ini adalah amat mendukacitakan dan saya minta supaya tindakan pihak Jawatankuasa Privilege kita mengambil tindakan sewajarnya kerana kedegilan pihak Ketua Pembangkang yang tidak mahu menarik balik perkataan 'binatang' yang digunakan kepada kita. Sebenarnya ini adalah amat mendukacitakan dan jika sekiranya begini maka pihak backbencher boleh menggunakan perkataan ini kepada wakil dari Kota Melaka 'binatang', sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh bahagian Jabatan Perdana Menteri, Maksud 7, Program 7 dan juga muka surat 70, Butiran 11, Lembaga Perpaduan Negara dan juga yang awal tadi, iaitu Perpaduan Negara. Tujuan Majlis Perpaduan Negara ini adalah untuk menyemaikan perasaan muhibah dan perpaduan di kalangan rakyat berbagai kaum di negara bagi melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu

padu dan menanamkan perasaan yakin dan percaya rakyat kepada Kerajaan dan menjamin kerjasama yang sepenuhnya oleh rakyat terhadap semua dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan dan membantu agensi Kerajaan dan juga pihak swasta bagi memerlukan bantuan terhadap masalah konflik kaum yang dapat dipulihkan semua keadaan yang aman dan saling dipercayai di antara rakyat. Tetapi malangnya hasrat ini hancur kerana hasrat Kerajaan ini tidak dapat ditunaikan atau tidak dapat dilaksanakan oleh beberapa sebab yang akan saya huraikan sekejap lagi kerana setelah 25 tahun kita merdeka masih ada lagi orang yang tidak percaya dan ragu-ragu terhadap dasar Kerajaan dan apabila meragui dan tidak percaya serta tidak mahu memberi kerjasama terhadap pelaksanaan dasar Kerajaan maka sudah tentu keadaan yang diharapkan oleh Kerajaan ini tidak dapat dicapai. Jadi dengan ini, keadaan ini patut diawasi kerana malangnya ada orang yang mengatakan bagaimana Ketua Pembangkang sendiri bahawa mereka tidak akan patuh kepada dasar Kerajaan. Jadi ini merupakan kata-kata yang boleh menyentuh dan yang boleh menyinggung perasaan Kerajaan dan juga perasaan rakyat yang lain yang ada di sini kerana kata-kata ini adalah kata-kata yang keluar seolah-olah daripada budak-budak yang tidak bertanggungjawab terhadap negara walaupun mereka ini meminta pandangan, mendapat yang dihormati tetapi apa yang dibuat oleh kita sedikit pun tidak menghormatinya.

Tuan Pengerusi, ada setengah pihak misalnya wakil dari Kepong pernah mengatakan bahawa kegagalan perpaduan kaum dalam negara ini yang dikatakan oleh DAP. Ini adalah merupakan tanggungjawab, tanggungjawab yang menggagalkannya ialah DAP sendiri.

Tuan Pengerusi, kehadiran DAP dalam masyarakat Malaysia bukan sahaja memecahbelahkan perpaduan kaum, di antara kaum itu sendiri, tetapi juga memecahbelahkan kaum di antara rakyat yang ada di Malaysia ini. Jadi kehadiran mereka ini bukan sahaja memecahkan perpaduan di antara kaum mereka itu sendiri, misalnya boleh memecahkan perpaduan orang-orang Cina itu sendiri tetapi telah memecahkan perpaduan orang-orang ataupun rakyat di negara ini, misalnya banyak terdapat perkara-perkara yang ditimbulkan selama ini tidak pernah ditimbulkan tetapi ditimbulkan. Dan begitu juga kalau kita kirakan di dalam masyarakat Melayu juga, kehadiran PAS dalam masyarakat Melayu telah memecahkan perpaduan orang-orang Melayu. Kalau DAP memecahkan perpaduan masyarakat Cina, maka PAS adalah merupakan unsur perpecahan masyarakat orang Melayu. Kalau kita sedar daripada sejarah ayah-ayah kita telah memperjuangkan kemerdekaan negeri ini, jasa mereka akan dikenang dalam sejarah Tanah Melayu ini. Bagaimanakah mereka ini telah melahirkan penyatuan fikiran, penyatuan pendapat, penyatuan tenaga, penyatuan sikap dan muhibah sama-sama mengeluarkan kerumitan untuk negara ini sehinggalah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957? Memang kita akui bahawa pada masa itu konflik kaum ini timbul, masing-masing menyatakan tidak puas hati tetapi pendapat mereka dapat disatukan di dalam satu badan atau satu parti yang dinamakan Perikatan pada masa itu dan kemudian dinamakan Barisan Nasional.

Konflik nilai dalam masyarakat majmuk seperti ini memang kita tidak dapat elakkan bahkan dalam satu-satu kaum itu sendiri pun wujud konflik ataupun perbezaan, juga tuduh menuduh dan prasangka yang tidak baik. Walaupun pada masa itu jangkaan British bahawa tidak sampai

10 tahun negara ini merdeka diramalkan bahawa satu huru-hara akan berlaku dan pada masa huru-hara itulah British akan menjangka masuk balik ke negara ini. Tetapi kebijaksanaan ayah-ayah kita huru-hara tidak wujud, konflik kaum dapat diredakan pada awal-awal peringkat kemerdekaan. Jangkaan kita tidak sampai 20 tahun kita merdeka perpaduan negara dengan perannya akan dapat mewujudkan sebagaimana yang diharapkan. Kalau tidak dapat menjadikan perpaduan yang sepenuhnya sekurang-kurangnya dapat mengurangkan keadaan itu. Tetapi malangnya di akhir-akhir tahun kesepuluh kita merdeka telah lahir anak nakal DAP, sekarang sudah tua kita tidak panggil “nakal” lagi, kalau boleh dipanggil “nakal” lagi, kalau boleh dipanggil “pengkhianat”.

Dengan kemenangan puak-puak nakal ini dalam pilihanraya tahun 1969 telah berlaku peristiwa sedih 13 Mei kerana mereka ini sombong, mereka ini megah, mereka ini menganggap bahawa hak datuk neneknya itu telah dapat kepadanya. Saat ini api perkauman ditiup kembali dan nyatalah dinyalakan oleh puak-puak nakal ini. Dengan keadaan yang sedih inilah merupakan api yang hampir padam itu bernyala kembali kerana ditiup oleh puak-puak nakal pada awalnya yang sekarang ini telah merupakan “pengkhianat” kepada negara ini.

Perpaduan yang dipupuk selama 10 tahun oleh ayah-ayah kita pada masa itu telah hancur, bara perkauman yang hampir padam telah dikipaskan kembali dan nyala telah pun merebak dan membakar begitu sekali sehingga konflik kaum telah timbul dengan keadaan yang begitu runcing sekali. Siapakah yang bertanggungjawab pada masa itu yang menyebabkan terjadi perkara ini—ialah parti Pembangkang yang pemimpinnya bongkak dan juga sombong. Jika sekiranya ini termasuk DAP maka

DAPlah yang bertanggungjawab. Ia sekurang-kurangnya ada beberapa kerat sahaja di dalam Dewan ini. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong minta jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Boleh!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah suatu korum untuk mendengarnya? Adakah korum sekarang?

Tuan Pengerusi: Cuba bilang.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi: Sila teruskan, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, inilah caranya orang yang makan lada tidak mahu mendengar ucapan saya dan inilah caranya mereka ini mem-permainkan keadaan. Kalau saya bercakap dengan jujur, bercakap dengan tenang, mereka tidak mahu mendengar; mereka mahu saya menengking mengata sesuatu yang bukan-bukan.

Tuan Pengerusi, oleh itu bara perkauman yang bernyala semula pada tahun 1969 itu telah menjadi lambat sedikit untuk dipadamkan kerana terdapat batu-batu api yang menyalakan semangat perkauman yang mementingkan satu golongan dan satu kaum sahaja. Bagaimana mereka itu mengacau di dalam Dewan ini begitulah mereka mengacau perpaduan kaum yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, perpaduan kaum akan dapat diwujudkan sebagaimana yang dikehendaki dan matlamat Kerajaan akan tercapai sekiranya pemimpin-pemimpin Pembangkang jujur dan ikhlas dalam mengkritik dan memberi pandangan kepada Kerajaan

dan mereka ini tidak akan membuat huru-hara, tidak akan mencari publisiti murah. Mereka mesti yakin dan percaya dengan Kerajaan yang ada yang menjamin kesempurnaan, keadilan kepada semua kaum. Dasar Kerajaan yang wujud sekarang ini telah dicipta dan direka dengan berhati-hati dalam keadaan muhibbah antara kaum. Bukan dasar diciptakan dengan nafsu syaitan, hendak mencapai kepuasan sepuas-puasnya dan menekan memijak golongan lain sedalam-dalamnya kerana Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri telah berkali-kali mengatakan oleh kerana ada terdapat di antara kaum di dalam negara ini tidak berpuas hati dengan pelaksanaan dasar Kerajaanlah membuktikan bahawa Kerajaan sekarang ini adil. Dengan keadilan yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional telah menimbulkan orang Melayu memang tidak puas hati, orang China pun tidak puas hati dan orang India serta lain-lain bangsa di dalam negara ini juga tidak puas hati. Dan kalau satu kaum di dalam negara ini puas hati sudah tentulah kaum itu akan menghidupkan nafsu syaitannya seperti anjing tamak dengan bayang-bayang, maka sudah tentu satu golongan lain akan tertindas. Tetapi dalam negara kita tidak wujud kaum tertindas, hanya diada-adakan oleh Pembangkang DAP bagi maksud politik dan juga periuk nasi mereka.

Tuan Pengerusi, untuk mewujudkan perpaduan kaum di dalam negara ini saya mencadangkan Kerajaan hendaklah mengharamkan parti-parti yang meniupkan api perkauman. Jika perlu pemimpinnya ditangkap dan diasingkan daripada masyarakat yang mereka berada di dalam ini kerana jika mereka berada di dalam, mereka akan menjalankan kegiatan subversif.

Tuan Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat itu minta jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Boleh.

Tuan Karpal Singh: Adakah Yang Berhormat itu sedar kalau ada didapati parti-parti perkauman dalam negara ini parti-parti itu adalah parti UMNO, parti MCA dan MIC, bukan parti DAP! Adakah Ahli Yang Berhormat tahu itu?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, sekarang ini ada orang yang makan lada, maka ia telah merasai pedasnya!

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*) (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu Yang Berhormat dari Jelutong, minta jalan dahulu.

Tuan Karpal Singh: Saya minta jalan.

Tuan Pengerusi: Adakah hendak beri jalan?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya tidak beri jalan, saya hendak bercakap.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Ismail bin Said: Saya minta penjelasan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Boleh.

Tuan Ismail bin Said: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Pasir Putih sama ada beliau sedar ataupun tidak sungguhpun ada.

Tuan Pengerusi: Yang itu bukan penjelasan itu pertanyaan; saya tidak benarkan. Sila teruskan Yang Berhormat dari Pasir Putih.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya hendak memulakan jawapan saya tadi. Jadi saya ingat saya tidak

sebut di sini, parti Pembangkang yang meniupkan api perkauman saya kata. Jadi kalau ada parti DAP mengingatkan partinya adalah parti perkauman maka dia itu seolah-olah parti yang telah makan lada dan merasai pedasnya.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab pertanyaan wakil dari Jelutong tadi, saya sedar bahawa sebagaimana yang disebutkan tadi bagi konflik kaum atau konflik nilai di dalam negara ini tidak mudah disatukan. Dengan sebab itulah wujudnya Barisan Nasional. Kita membincangkan nilai-nilai, kehendak-kehendak sesuatu bangsa dan kaum itu hanya boleh dibincangkan di dalam kaum itu sahaja. Nilai-nilai kaum yang ada dan kehendak-kehendak yang ada kepada orang-orang Melayu juga akan dibincang di dalam masyarakat Melayu, kehendak-kehendak dan nilai yang dikehendaki oleh kaum Cina akan dinilai di dalam masyarakat Cina dan kehendak-kehendak serta nilai yang dikehendaki oleh kaum India akan dibincang di dalam golongan kaum India itu sahaja dan apabila sampai satu peringkat maka penyelarasan untuk negara ini akan ada iaitu penyelarasan di peringkat Barisan Nasional.

Kita tidak mahu kalau parti yang mendakwakan partinya berbilang kaum iaitu diambil sebagai melepaskan batuk ditangga dan memperjuangkan kepentingan satu-satu kaum dan untuk menindaskan satu-satu kaum, ini adalah merupakan parti perkauman, parti yang tidak mempunyai kehendak-kehendak dan nilai-nilai yang dikehendaki oleh negara. Sebagaimana saya katakan tadi, biarlah saya katakan sekali lagi, bahawa parti-parti yang boleh menimbulkan masalah sensitif atau masalah perkauman patut diharamkan dan pemimpin-pemimpinnya patut ditangkap. Kalau sekiranya DAP terasa dengan perkataan ini maka itulah partinya yang merupakan parti

perkauman. Kita lebih mudah melanggar musuh atau bahaya daripada komunis tetapi kita sangat susah untuk melanggar atau memerangi musuh di dalam selimut.

Tuan Pengerusi, bagaimana yang saya sebutkan tadi, begitu juga di dalam ucapan saya dalam Belanjawan 1983 yang lalu, saya tahu ada orang yang terasa pedas apabila saya katakan segelintir manusia tidak sukakan dasar negara ini supaya lari keluar. Ada juga orang terasa pedas apabila saya kata ada segolongan di dalam negara ini tidak taat setia dan menikam daripada belakang. Kalau ada sesiapa yang terasa dengan kata-kata saya ini, dialah orang yang tidak suka dengan dasar negara ini dan dialah orang yang menikam dari belakang dan dialah yang memakan lada sebab itulah dia terasa pedasnya.

Dalam perpaduan negara kita, kita tidak mahu menjadikan rakyat kita tidak mengenang budi sebab ada juga segelintir yang tidak tahu membalas budi. Biarlah negara kita memupuk perpaduan dan tiap-tiap rakyat membalas budi. Jangan kita jadi kita ini sebagai menolong anjing tersepit sahaja.

(Timbalan Yang Dipertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, saya hendak pergi kepada Maksud Bekalan 7 Jabatan Perdana Menteri iaitu Pentadbiran Agama Islam, Program (5).

Saya suka menyebutkan bahawa tujuan yang diadakan di dalam Pentadbiran Agama ini disebut beberapa perkara dari segi kepentingan agama Islam. Tetapi yang menjadi heboh sekarang ialah beberapa perkara yang timbul iaitu masalah makanan yang halal iaitu daging-daging halal yang diimport daripada luar negeri. Sekarang ini kita tahu bahawa kita berkehendakkan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sahaja di dalam kajian yang saya

dapati kita berkehendakkan lebih kurang 40,000 ekor sehari ayam untuk makanan dan kegunaan di kawasan Petaling Jaya dan juga Kuala Lumpur dan juga kita berkehendakkan lebih kurang 100 ekor sehari lembu disembelih di dalam kawasan ini. Ini adalah untuk kepentingan orang-orang di kawasan ini dan juga kegunaan hostel, kem askar, sekolah berasrama dan juga kegunaan orang-orang di kawasan Petaling Jaya dan Kuala Lumpur. Tetapi dalam keadaan ini ada terdapat bahawa di saat akhir ini sebanyak 5,000 ekor sehari ayam mati. Inilah yang merunsingkan kita. Apakah ayam-ayam mati 5,000 ini pihak yang mengeluarkan ayam-ayam ini akan rugi. Tentu tidak sekali kerana sudah tentu dihantarkan, dikumpulkan, dimasukkan ke dalam 40,000 ekor itu ataupun dihantarkan ke pihak-pihak untuk mengetinkan ayam-ayam ini.

Selain daripada itu, kita berkehendakkan 100 ekar sehari lembu untuk disembelih tetapi hanya kita mampu menyembelih sebanyak 40 ekor sehari, bermakna 60 ekor lembu lagi diimport dagingnya daripada luar negeri. Untuk menentukan ke mana perginya 5,000 ekor ayam-ayam yang mati tadi dan halalkan, haramkah lembu yang diimport sebanyak 60 ekor tadi, kita tidak ada satu pengawasan (enforcement) yang betul-betul bertanggungjawab dalam perkara ini. Oleh itu, saya mencadangkan pihak Kerajaan membentuk satu badan yang bertanggungjawab di dalam semua hal ini yang terdiri daripada orang Jabatan Ugama Islam, orang daripada Kementerian Perdagangan, orang daripada Jabatan Haiwan, orang daripada Jabatan Kesihatan dan beberapa orang lagi di dalam jabatan yang berkaitan supaya menentukan bahan-bahan yang dikeluarkan dan digunakan oleh orang ramai itu adalah halal dan tidak membahayakan kesihatan.

Jikalau Badan ini ditubuh, mungkin Badan ini akan dapat bertugas untuk menentukan daging-daging yang di-import, daging yang dibekukan di kedai-kedai itu adalah halal dan ayam-ayam yang mati itu, biarlah dibuang, bukan digunakan. Pihak ini juga akan bertugas menentukan daging-daging dan ayam iaitu di tempat-tempat yang mengeluarkan atas supply ayam itu hendaklah diketahui daripada mana ayam-ayam itu dikeluarkan dan daripada mana daging itu diambil dan juga ini dapat menentukan perkara-perkara yang buruk tidak akan berlaku. Juga memeriksa bahan-bahan daging dan juga ayam-ayam ini yang dihantar ke hostel, kem-kem askar, ke sekolah-sekolah yang berasrama penuh dan juga tempat-tempat latihan-latihan kerana didapati ini tidak ada satu pengawasan yang boleh dibanggakan bagi menentukan makanan ini baik ataupun tidak. Kalau boleh di tempat penjualan, di pasar, market, di kompleks-kompleks membeli belah, di super market dan sebagainya juga ada satu badan yang mengawasi dan menentukan daripada mana bahan ini dibeli dan daripada mana ini didapati dan bagaimana barang ini disimpan. Begitu juga hotel-hotel, bagaimana barang ini disimpan. Adakah cara penyimpanannya boleh dimakan oleh orang Islam di negara ini? Ini adalah satu penghormatan kepada negara ini kalau sekiranya ini dapat diamalkan oleh semua badan-badan yang terlibat sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Di dalam Program yang sama, Maksud yang sama—Pentadbiran Agama Islam juga, di dalam tujuannya ada menyebut bahawa mereka ini akan mengkaji, menyelidik masalah-masalah semasa. Jadi, masalah-masalah semasa ini yang tidak menenteramkan ketenteraman awam iaitulah masalah parti Pembangkang yang satu lagi itu yang telah menggunakan agama Islam yang suci ini sebagai satu landasan perjuangan

mereka. Kita tahu masalah penggunaan nama dan penggunaan perkataan Islam ini tidak boleh sewenang-wenang kita gunakan dan implikasi dari penggunaan perkataan Islam itu kalau boleh merosakkan ketenteraman awam, maka ini patut diharamkan. Kalau perkataan Islam digunakan boleh merosakkan akidah dan fahaman umat Islam maka patut diharamkan.

Kalau sekiranya penggunaan Islam kepada parti itu hendak dibandingkan dengan penggunaan Islam kepada Bank Islam dan penggunaan Islam kepada Universiti Islam adalah jauh bezanya sekali, kerana wujudnya badan-badan seperti Bank Islam dan Universiti Islam ini tidak akan merosakkan akidah, sebaliknya akan memberi pengertian yang baik kepada umat Islam.

Kita tahu bahawa kalau orang-orang yang benar-benar faham tentang Islam ini tidak akan pernah terkeliru dengan apa yang dijalankan oleh parti-parti Pembangkang, sebagaimana parti PAS di Kelantan, misalnya. Kita tahu mereka ini menggunakan Islam ini sebagai satu cara untuk memesongkan fikiran dan perhatian rakyat Kelantan dengan tujuan dan matlamat mereka mendapat kerusi dan kalau mereka pergi ke kampung mereka ini akan menimbulkan berbagai-bagai perkara. Adakah tuan-tuan hendak sokong parti UMNO atau Islam? Adakah tuan-tuan hendak masuk neraka atau syurga? Adakah tuan-tuan hendak jadi kafir ataupun tidak? Ini soalan yang ditimbulkan kepada orang-orang kampung seolah-olah parti Islam itu sama dengan agama Islam. Kalau kita pergi tanya hendak sokong UMNO atau hendak sokong Islam? Sudah tentu kita jawab sokong Islam.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Saya minta jalan.

Tuan Pengerusi: Dia minta jalan, dibenarkan?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Dibenarkan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat dari Pasir Putih harus arif sebagai seorang yang begitu lama, sudah dua term menjadi Wakil Rakyat, seharusnya faham bahawa Parti Islam Se Malaysia ini bukan baru, wujud sejak tahun 1951 lagi dan mempunyai saham yang sama dalam perjuangannya untuk mencapai kemerdekaan negara. Jadi PAS tidaklah menggunakan agama sebagai modal politiknya sebagaimana yang dituduh.

Tuan Pengerusi, PAS sebuah parti politik yang halal yang ada perlembagaannya, yang diluluskan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan sama seperti UMNO yang berkuasa sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan ucapan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, ini bukan penjelasan, dia hendak bersyarah. Kalau hendak bersyarah kena lepas, bangunlah bersyarah. Kalau minta penjelasan tidak macam itu. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, PAS ditubuhkan pada tahun 1951 tetapi wakil Rantau Panjang jadi ahli PAS baru (*Tepuk*). Bagaimana dia tahu perjuangan PAS? Apa yang dibuat oleh PAS semenjak 18 tahun dulu? Dia tidak tahu. Dia lebih tahu UMNO daripada PAS (*Ketawa*). Jadi, PAS pun kata kawan sudah letak jawatan, saya tidak tahu parti apa dia akan masuk lagi. Jangan jilat kembali, Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi, saya mengatakan ini keadaan yang berlaku, misalnya, ini adalah batu yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin tetapi apabila sampai ke Dewan ini tangan disembunyikan. Mereka ini sanggup lemparkan batu dan batu itu digunakan oleh penyokong-penyokongnya

dengan tujuan untuk memecah-belahkan kerana sudah tidak ada modal. Kalau masyarakat berpecah-belah maka perkelahian akan terus dan penyokong PAS dan UMNO tidak akan berbaik, maka dia akan dapat menjaga penyokong-penyokongnya dan juga keadaan yang ada ini adalah merupakan satu strategi untuk memecahkan sokongan dan juga perpaduan orang-orang Melayu.

Kalau kita tengok sebenarnya masyarakat di sebelah Pantai Timur itu ada berlaku perceraian. Ada berbagai-bagai cerita di antara tegor sapa, perbalahan di antara anak dengan ayah, menantu dan yang jadi dua imam itu perkara biasa disebut, macam-macam! Sampai ke suatu peringkat ayam orang UMNO jika berjantan dengan ayam orang PAS telurnya tidak boleh dimakan. (*Ketawa*) Ini sampai satu peringkat digunakan oleh orang-orang yang menerima batu yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin ini. Ini adalah perkara yang mustahil kata pemimpin, tetapi inilah batu yang dilemparkan. Apa matlamat, apa yang dikeluarkan, lojik atau tidak hasratnya adalah untuk memecah-belahkan masyarakat Melayu dan Islam. Kita tahu 18 tahun PAS memerintah di Kelantan dan bukan baru. Pada masa 18 tahun kita tidak pernah dengar bahawa tempat-tempat dan kelab-kelab PAS digunakan untuk sembahyang Jumaat atau sebagainya kerana orang UMNO baik, orang UMNO tidak sejahat yang disangka. Kalau orang UMNO buat kacau sudah tentu masjid yang ada tidak akan didirikan. Masjid sekarang jadi kosong sebab orang PAS tidak mahu pergi sembahyang di situ. Suruh sembahyang di kelab. Tanya pemimpin, pemimpin kata, 'ya-bolehlah sembahyang.' Bukan untuk menasihatkan supaya perpaduan tetapi menasihatkan untuk perpecahan, kerana dapat maintain kedudukan dan juga penyokong-penyokongnya. Jadi, keadaan ini

adalah merupakan satu perkara yang patut diambil perhatian dan dibuat penyelidikan.

Saya bercakap ini bukan minta diharamkan dengan sewenang-wenangnya, tetapi dibuat penyelidikan dan kajian. Saya tidak tahulah pegawai yang mengkaji ini juga patut diselidik. Kalau kena orang PAS yang mengkaji sudah tentu tidak akan menerima kajian ini. Tetapi ingat, membuat penyelidikan dan mengkaji apakah penggunaan nama agama, bukan sahaja Islam, tetapi mungkin agama Buddha dan lain-lain, boleh dibenarkan dalam penggunaan bagi parti-parti politik kerana takut di suatu masa orang menggunakan agama ini mengeksploitasikan agama ini untuk kepentingan politik mereka. Ini yang kita takut, Tuan Pengerusi. Dengan sebab itulah kita takut kalau keadaan ini berlaku berterusan sudah tentu peperangan agama akan berlaku. Peperangan agama adalah lebih dahsyat lagi daripada peperangan kaum kerana agama orang-orang sanggup mati. Sebab itulah perkataan agama ini baik agama apa tidak boleh digunakan untuk nama parti-parti atau nama badan yang berlandaskan perjuangan, baik parti BERJASA kalau ada Islamnya dibuang, bukan sahaja parti PAS, janganlah PAS terasa dengan keadaan ini.

Jadi dengan keadaan ini supaya Kerajaan mengkaji dan menyiasat apakah pentingnya penggunaan Agama itu. Walaupun dulu kita ubah simbolnya, kerana mengelirukan kerana simbol Islam sama dengan simbol PAS. Lepas kita ubah simbolnya, dia guna juga, bulat dan terang, bulat macam-macam sampai tanda bulat itu dibubuh di kepala tidur, dibubuh dalam poket orang mati, lukis ditapak tangan pun ada. Bulat macam atas kepala Tuan Pengerusi itu ada bulat. (*Ketawa*)

tetapi itu bukan simbol PAS, Tuan Pengerusi, di dalamnya ada crown lagi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tetapi itulah seolah-olahnya macam bulat itu hak dia sahaja. Ini saya hairan. Seolah-olah bulat ini menjadi simbol Islam yang boleh meyakinkan orang Islam di kampung-kampung. Inilah yang susahnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, seberapa yang boleh menumpukan percakapan kepada butir-butir di bawah Kepala itu, kerana percakapan di atas dasar telah dibuat pada minggu lepas.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya akan beralih kepada topik lain. Tetapi apa yang saya cakapkan ini adalah untuk perpaduan di dalam kaum itu sendiri. Bagi orang DAP kena ingat perpaduan di dalam masyarakat Cina itu sendiri, bagi orang PAS perpaduan di dalam Islam itu sendiri. Kalau tidak ada dua-dua ini, mungkin perpaduan kaum ini akan dapat selesai dengan lebih mudah.

Saya akan menumpukan kepada Tanggungan P. 11—Perbendaharaan, muka 16, Butiran 4100—Bayaran Pindahan, Aktiviti (1) Pemberian dan serahan kepada Negeri-negeri dan (b) Penyelenggaraan Jalanraya Negeri. Pada tahun ini peruntukan sebanyak \$179,557,000 berbanding dengan tahun 1982 sebanyak \$96,972,800. Jadi pemberian-pemberian ini hendaklah diutamakan kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan. Kelantan 18 tahun dijajah oleh neo-colonisma yang tidak mementingkan perhubungan dan pembangunan fizikal di dalam negeri itu. Kalau pembangunan fizikal ini tidak ada, jauh sekali kita akan menerima pembangunan rohaniah dan juga

ketenangan jiwa dan Kerajaan masa itu cekap tidak serupa apa yang dikatakan.

Tuan Pengerusi, saya minta keadaan ini di negeri Kelantan yang 18 tahun tidak menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat dari segi pembinaan jalanraya Negeri itu dan keutamaan patut diberi kepada negeri-negeri yang kurang maju misalnya Jalan Semerak, Pasir Puteh, Jalan Pasir Puteh ke Machang, jalan ini serupalah masa 18 tahun dahulu dan kita tidak hairanlah 18 tahun dahulu kerana orang-orang dahulu tidak mahu jalanraya dan tidak mahu elektrik kerana bulan sudah ada katanya. Jadi, saya minta supaya jalan-jalan yang rosak dan juga perbezaan yang amat jauh di antara jalan-jalan di negeri Kelantan dengan jalan di negeri Terengganu. Keadaan yang tidak sama ini patut dibela—diberi perhatian yang sewajarkan supaya keadaan ini akan dapat sama. Kalau kita berjalan daripada Kuala Besut, kita pejam mata, kita tahu bahawa kita telah sampai ke sempadan negeri Kelantan tanpa kita melihat sempadan apabila menaiki sebuah motokar. Ini membuktikan buruknya jalan-jalan negeri yang ada di situ.

Saya rasa itulah sahaja ucapan saya pada petang ini dan saya berharap perkara ini akan mendapat perhatian pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

4.57 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya bercakap mengenai B. 7, Butiran 1300, 2100, 2200 dan seterusnya iaitu mengenai Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Agama Islam—Pentadbiran Agama Islam.

Tuan Pengerusi, penubuhan Jabatan Agama di Jabatan Perdana Menteri ini juga merupakan satu

penubuhan yang berbau politik yang kadangkala waktu kita bertanya masalah agama, maka jawapannya mengenai masalah agama adalah hak Raja-raja Melayu tidak boleh disinggong, tidak boleh disentuh tetapi pihak Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa Jabatan Agama Islam ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaraskan masalah-masalah agama pada peringkat permulaannya bagi setiap negeri yang ada dalam Malaysia.

Tuan Pengerusi, kalau kita melihat dari sejarah Jabatan Agama ini ditubuhkan dan sekarang ini pun sudah ada ditugaskan kepada Menteri yang tidak berpotfolio bertanggungjawab dalam Jabatan Agama ini, terdapat suatu hal yang kita merasa kesangsian tentang wujudnya jabatan ini tidak begitu terasa kepada rakyat. Hasil daripada jabatan ini terlalu kecil kalau dibandingkan dengan masalah agama yang dihadapi oleh masyarakat kita sekarang. Bagi pihak parti Barisan Nasional terutamanya Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang baru bercakap sekejap tadi suka sangat melemparkan tuduhan terutama sekali kepada Parti Islam Se Malaysia (PAS) sebagai sebuah parti politik yang memecahkan perpaduan rakyat di kampung-kampung. Tetapi daripada ucapannya sekejap tadi kita dapat membuktikan betapa lancangnya lidah seorang Ahli Yang Berhormat ini yang menyebabkan berlakunya perpecahan di kampung-kampung. Sifat yang seperti inilah bukan hendak membeli hati rakyat, tetapi hendak menghancurkan perasaan rakyat, menuduh melulu sahaja terutama sekali kepada, sebuah parti politik Islam, parti yang bertanggungjawab yang bukan menggunakan Islam untuk kepentingannya tetapi mempunyai matlamat perjuangannya yang jauh.

Tuan Pengerusi, saya merasa kesal sedikit tentang peruntukan yang diberi oleh Belanjawan negara tahun ini

kepada peruntukan Pejabat Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri yang saya nampak kurang jumlahnya kalah dibandingkan dengan peruntukan yang diberi kepada Jabatan Perpaduan Negara yang diperuntukkan sebanyak \$13 juta lebih sedangkan kepada Pejabat Hal Ehwal Agama Islam hanya sebanyak \$5 juta lebih sahaja. Saya selalu mengharapkan untuk mengatasi masalah kecoh dalam masyarakat sekarang ini kononnya akibat kerana dituduh seperti parti PAS memecah belahkan masyarakat dengan menggunakan agama, maka saya suka menyarankan supaya Jabatan Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri itu menubuhkan satu jabatan penyelidikan khas yang betul-betul dianggotai oleh orang-orang yang tidak terlibat dengan kepentingan mana-mana parti politik. Kerana kita tahu kalaulah daripada Barisan Nasional yang menjadi anggota maka pemikirannya terhadap agama Islam itu telah cenderung kepada politik parti. Kita tahu dalam masalah Islam ini luas. Kita tengok kegagalan ekonomi negara di dunia ini akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia antarabangsa, ini menunjukkan kegagalan sistem ekonomi negara-negara barat sama ada apa yang bernama capitalism, socialism ataupun communism. Jadi sekarang berlakunya kemelesetan ekonomi di negara barat adalah merupakan satu bukti keruntuhan sistem ekonomi barat.

Sekarang timbul satu kesedaran baru dalam dunia ini sendiri hendak mencari satu sistem ekonomi yang lebih menjamin kedudukan ekonomi rakyat dalam negara ini terutama dalam negara-negara Islam yang banyak penduduknya terdiri daripada penganut-penganut Islam.

Saya fikir eloklah pihak Kerajaan menerusi badan penyelidikan, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri ini untuk mengkaji supaya kita kembali kepada satu sistem

ekonomi Islam, satu sistem ekonomi yang antiriba yang tidak mahu berlakunya penindasan dan pemerasan terhadap rakyat. Ini yang patut kita tekankan dan inilah matlamat yang selalu didengungkan dan diproklamirkan oleh setiap para pejuang PAS supaya seluruh rakyat yang cinta kepada Islam, mengenali Islam bukan sahaja dari segi ibadat tetapi dari segi muamalat dan dari segi hakikat falsafah perjuangannya sendiri, kerana Islam bukan sebagaimana agama biasa yang kita dengar. Islam mempunyai konsepnya yang tersendiri. Jadi itulah sebabnya orang yang tidak begitu faham tentang Islam maka timbulnya kenyataan daripada pihak Yang Berhormat dari Pasir Putih

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan?

Tuan Hassan bin Mohamed: Minta maaf, tolong jangan ganggu, saya sedang bercakap, Tuan Pengerusi. Walaupun minta penerangan, saya tak mahu diganggu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya ingin beri penerangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia tak mahu beri kebenaran.

Tuan Hassan bin Mohamed: Saya tak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Tidak berkait apa yang berlaku di sini.

Tuan Hassan bin Mohamed: Umpamanya, Tuan Pengerusi, oleh sebab tidak begitu faham

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: (*Bangun*).

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Beri atau tidak?

Tuan Hassan bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu diganggu. Kena fahamlah, saya orang baru. Jadi orang yang sudah begitu matang dalam hal ini, berilah peluang sepenuhnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tumpat, sila duduk! Yang Berhormat dari Rantau Panjang, sila menyambung ucapan.

Tuan Hassan bin Mohamed: Tuan Pengerusi, pihak Parti PAS telah memberi peluang sepenuh-penuhnya kepada seluruh anggota Barisan Nasional membantai PAS, macam PAS, kita diam dengan senyum sahaja.

Tuan Pengerusi, umapamanya Yang Berhormat dari Jasin, ini menunjukkan kekeliruan tentang Islam. Yang Berhormat dari Jasin pernah dalam Dewan yang mulia ini mengeluarkan satu kenyataan iaitu tentang kononnya dalam zaman Nabi Muhammad s.a.w. dahulu tidak pakai land title.

Kalau kita mahu mengikut Nabi Muhammad tak pakai land title dalam masyarakat modern kita sekarang ini, maka akan kacaulah pentadbiran tanah dalam negara kita ini. Ini menunjukkan satu kekeliruan, sama ada disadari ataupun tidak sedar tetapi kenyataan yang keliru itu membayangkan seolah-olah dia mempersendakan kemuliaan Nabi Muhammad s.w.a.

Minta izin, Tuan Pengerusi, di dalam Al-Quran Allah ada berfirman: Wama-yantiqu 'anil-hawa inhuwa-illa-wahyun-yuha. Maksudnya, Nabi Muhammad s.a.w. tidak bercakap mengikut semahu nafsunya tetapi apa yang Baginda bercakap itu adalah merupakan wahyu yang langsung dari Allah s.w.t. Bagi kita orang Islam yang taat sekiranya Nabi Muhammad memerintahkan supaya kita tidak memakai land title maka kita orang Islam wajib tidak memakai land title

tetapi tidak demikian dalam urusan duniawi. Ini urusan ta'abbudi, urusan ibadat kita patut dan kita taat setia, tetapi dalam urusan dunia: Wa-amruhum syura-bainahum. Kita diarahkan supaya kita bermesyuarat antara kita semasa kita, kita menentukan sama ada kita hendak pakai land title atau undang-undang tertentu. Ini terserah kepada kita dan inilah kita mengadakan satu mesyuarat dalam bentuk seperti yang ada sekarang ini. Walaupun barangkali setengah-setengah pihak tidak senang dengan keadaan ini, tetapi inilah yang kita terima adanya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di tiap-tiap negeri sama ada cara bentuk pilihanraya masih kita tidak puas hati ataupun kita sudah puas hati, itu masalah lain. Jadi urusan duniawi kita, maka kita memutuskan mengikut kebijaksanaan yang ada pada kita di samping masalah-masalah yang tidak begitu terang maka kita berpandukan kepada al-Quran dan Hadis yang lebih tegas menjadi dasar hukum dalam Islam. Jadi inilah masalahnya yang PAS ini dalam perjuangannya hendak memperoklamirkan tentang wujudnya satu harakah Islamiah dalam negara ini. Kita bukanlah hendak memegang kuasa, hendak memerintah, hendak menjadi Perdana Menteri, hendak membentuk Kabinet—tidak, masalah kita hendak timbul hendak menunjukkan konsep Islam ini. Kalau pihak Barisan Nasional boleh menerima konsep Islam dengan sebaik-baiknya, apatah lagi pula dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang hendak menyerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan negara, ini kita memberikan penghormatan sepenuhnya dan kita menunggu hasilnya. Jangan hanya merupakan sebagai dakyah untuk melawan PAS semata-mata, gunakan ini sebagai hakikat sebenarnya sebagaimana pernah Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri pernah memberi

jawapan yang memang menjadi kewajipan Kerajaan hendak membenteras maksiat dalam negara kita ini. Jadi begitu juga kita mengharapkan menjadi kewajipan Kerajaan Barisan Nasional ini hendak membentuk sebuah pemerintahan Islam ataupun hendak menerapkan nilai-nilai Islam dengan sepenuhnya, bukan sebagai propaganda politik semata-mata. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong.

Yang Berhormat, sebelum itu, saya ingin beri satu makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menjawab pada pukul 4.30 petang esok. Sila teruskan.

5.06 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya sentuh kepada Maksud Tanggungan T. 3 Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim-hakim—Kod 1100, 1200 dan 1300.

Tuan Pengerusi, Kerajaan telah menunjukkan hebatannya hendak menghapuskan semua rayuan kepada Majlis Privy mulai dari 1hb Januari, 1978 rayuan-rayuan dalam hal jenayah dan Perlembagaan kepada Majlis Privy telah pun dihapuskan. Daripada itu orang-orang yang dikenakan hukuman Mahkamah Tinggi telah pun mengalami kerugian dan salah satu jalan untuk menyelamatkan hak kebebasan mereka dan juga dalam satu-satu perkara hak keselamatan nyawa mereka. Adakah perlunya, Tuan Pengerusi, menghapuskan sistem rayuan ke Majlis Privy dalam hal-hal jenayah dan Perlembagaan tetapi bukan dalam hal-hal sivil yang mana tiada kena hukuman tertinggi seperti hukuman mati.

Tuan Pengerusi, dengan menghapuskan rayuan dalam hal-hal jenayah dan Perlembagaan, adakah

Kerajaan mengatakan hakim-hakim kita mempunyai kebijaksanaan dalam hal undang-undang Perlembagaan dan Jenayah tetapi tidak dalam undang-undang sivil? Terus terang itu rayuan kepada Majlis Privy dalam perkara-perkara jenayah dan Perlembagaan itu dihapuskan dengan sebab beberapa rayuan dalam hal-hal Perlembagaan telah memberi malu kepada Kerajaan khususnya dalam kes Mahan Singh dan rayuan yang berjaya Teh Cheng Poh yang dibenarkan oleh Majlis Privy sedikit hari sebelum 1hb Januari, 1978. Kerajaan menggunakan majoriti yang liar itu untuk menyekat keputusan-keputusan dalam kes-kes ini. Ada juga mereka yang dikenakan hukuman mati dimansuhkan dan hukuman tadi oleh keputusan Privy Council telah pun dibicarakan lagi dan kemudian jumpa nasib malang di tangan tukang gantung.

Tuan Pengerusi, dengan menghapuskan dengan sepenuhnya semua rayuan kepada Privy Council, pemodal-pemodal asing akan merasa bahaya khususnya jikalau kita tiada membentuk satu Supreme Court untuk menggantikan Majlis Privy. Saya mengakui Malaysia bercita-cita untuk mengadakan kemerdekaan yang sempurna dengan memotong tanda-tanda kolonialisma dengan mengadakan satu mahkamah rayuan terakhir. Ini adalah serentak dengan cita-cita nasionalisma kita. Manakala adakah kita mempunyai hakim-hakim yang layak untuk mengisi kekosongan itu? Adakah hakim-hakim kita mencukupi pengalaman untuk memikul tanggungjawab yang berat itu?

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, Mahkamah Rayuan Persekutuan yang tertinggi dalam negara kita membuat beberapa keputusan yang tidak, dengan izin, "consistent". Dalam bulan Ogos tahun ini, dalam kes gadis Peranchis, Beatrice Saubin yang dikenakan hukuman mati kerana terlibat dalam kes mengedar dadah itu

diringankan dengan hukuman penjara seumur hidup. Mahkamah Rayuan Persekutuan itu tiada memberi sebab-sebab atas hal meringankan hukuman asal itu kecuali menyatakan ada sebab pengecualian. Tuan Pengerusi, apakah sebab-sebab pengecualian itu?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Saya hendak minta penjelasan sama ada apa yang dinyatakan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta on point of order atau minta penjelasan?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): On a point of order. Saya minta ruling daripada Tuan Pengerusi, iaitu sama ada suatu ucapan yang mengandungi atau menyentuh soal conduct

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang sebenarnya saya tidak mahu dia menyentuh atas perkara ini.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Saya merujuk kepada

Tuan Pengerusi: (*Kepada Tuan Karpal Singh*) Yang Berhormat, sila duduk dahulu!

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36 (8).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong, sila ambil ingatan!

Tuan Karpal Singh: Ini satu kritik atas keputusan mahkamah, itu bukan atas conduct hakim-hakim, tetapi atas keputusan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, pada pendapat saya keputusan yang dibuat oleh mahkamah atau hakim-hakim adalah mengenai conduct.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, mana boleh macam itu, (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Ini bukan atas conduct, tetapi atas satu keputusan, bila saya beri keterangan lain tidak berubah

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, penjelasan itu tidak perlu, itu adalah pendapat saya dan saya fikir Yang Berhormat adalah salah pada Peraturan Mesyuarat 36 (8) yang berbunyi bahawa kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia dan sebagainya atau Yang Dipertua Negeri atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan Usul bersendirian bagi maksud-maksud itu. (*Tepuk*)

Saya harap Yang Berhormat itu tidak sentuh perkara itu lagi.

Tuan Karpal Singh: Itu "character", jikalau Tuan Pengerusi ingat atas character, saya terima, tetapi dalam fikiran saya, ini bukan satu

Tuan Pengerusi: Itu fikiran Yang Berhormat, tetapi dalam fikiran saya adalah lain.

Tuan Karpal Singh: Saya terima.

Tuan Pengerusi: Dan keputusan saya adalah muktamad, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, Mahkamah Persekutuan itu juga memberi alasan tambahan iaitu keputusan Mahkamah dalam kes ini bukanlah satu "precedent"—itu boleh bukan?

Tuan Pengerusi: Itu sahaja.

Tuan Karpal Singh: Precedent Saya sentiasa percaya keputusan Mahkamah Persekutuan itu adalah satu "binding precedent" bagi semua mahkamah-mahkamah dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, pada 8hb Oktober tahun ini seorang balu berumur 51 tahun bernama Lim Boey Nooi dalam hal ini

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat akan bercakap atas keputusan mahkamah lagi?

Tuan Karpal Singh: Bukan ini satu perempuan yang sudah digantung, tidak ada apa-apa sangkutan atas apa-apa yang saya cakap tadi.

Tuan Pengerusi: Bukan atas keputusan yang dibuat oleh mahkamah?

Tuan Karpal Singh: Atas mahkamah juga, jikalau mahkamah tidak buat keputusan tidak boleh gantung. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Dengan itu saya tidak benarkan Yang Berhormat menyebutkan atas perkara itu.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, apa yang saya katakan tadi seorang balu ini berumur 51 tahun bernama Lim Boey Nooi

Tuan Pengerusi: Ini salah yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Kenapa dikenakan hukuman mati.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat jangan elak-elakkan ini. Saya percaya ini adalah satu perkara yang sama.

Tuan Karpal Singh: Bukan sama, Tuan Pengerusi, dengar dahulu, jikalau boleh dengar apa yang saya mahu cakap, tidak ada apa-apa

Tuan Pengerusi: Saya fikir tidak perlu dengar jika seperti Yang Berhormat kata tadi, ini adalah atas keputusan yang dibuat oleh mahkamah.

Tuan Karpal Singh: Sudah tentu!

Tuan Pengerusi: Jika begitu, ini sudah salah pada Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya hairan jikalau macam itu tidak boleh timbul apa-apa keputusan dalam mahkamah di sini. Apa yang sudah jadi ini sekarang ada satu keputusan yang sudah jadi undang-undang dalam negara ini melalui "case law" apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris tidak ada *subjudice* atau apa-apa lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Perempuan ini sudah gantung—habis.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ini adalah keperluan Peraturan Mesyuarat, bukan keperluan saya sendiri. Saya harap Yang Berhormat akan mematuhi Peraturan Mesyuarat.

Tuan Karpal Singh: Saya mematuhi, tetapi saya ingat Tuan Pengerusi tidak faham apa yang ada terkandung di dalam peraturan itu. Apa yang saya sebutkan sekarang ini mengenai perempuan yang sudah digantung. Apa-apa sangkutan dalam Peraturan Mesyuarat saya tidak faham, jikalau ada beritahu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jikalau tidak faham Peraturan Mesyuarat, balik rumah baca itu.

Tuan Karpal Singh: Saya faham, Tuan Pengerusi. Dalam perkara perempuan ini yang sudah kena gantung, mengapa ada tentangan di bawah Peraturan-peraturan itu. Sila beritahu!

Tuan Pengerusi: Subjek ini, itu yang terkandung, ini kerana keputusan mahkamah, itu sudah.

Tuan Karpal Singh: My God if that is it, I can't say anything.

Tuan Pengerusi: That is right.

Tuan Karpal Singh: That is right!

Tuan Pengerusi: Adalah jelas dalam Peraturan Mesyuarat kita.

Tuan Karpal Singh: Apa ada jelas apa ada dalam Peraturan 30?

Tuan Pengerusi: 36 (8).

Tuan Karpal Singh: 38 (8). Itu atas conduct or character of a Judge. Ini bukan conduct or character, ini atas keputusan.

Tuan Pengerusi: Decision, keputusan mahkamah

Tuan Karpal Singh: Character!

Tuan Pengerusi:ada mengenai character.

Tuan Karpal Singh: My God, you don't know what you are talking about!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, ini satu perkara mustahak, ini boleh jadi satu precedent dalam masa depan tidak boleh timbul

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh:apa yang kami mahu terbangkit. Jadi kalau ada sangkutan pada apa-apa yang ada dalam mahkamah, keputusan itu

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila menyambung ucapan

Tuan Karpal Singh: Ini jadi satu ruling?

Tuan Pengerusi: Sila elak subjek ini.

Tuan Karpal Singh: Ya?

Tuan Pengerusi: Sila sambung dan jangan sentuh lagi atas perkara ini.

Tuan Karpal Singh: Perkara apa? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Kes Yang Berhormat tadi ingin bercakap

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, perempuan ini sudah digantung. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Walaupun saya membuat beberapa rayuan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, balu itu terpaksa mati. Peranan Lim Boey Nooi itu dalam hal mengedar dadah adalah kecil; sama dengan Saubin, Lim Boey Nooi dihukum mati tetapi Saubin boleh diringankan dengan ganti hukuman penjara seumur hidup. Orang-orang awam juga bertanya adakah satu "standard" bagi anak tempatan dan "standard" yang lain bagi orang asing? Orang-orang awam lain tidak puas hati dengan sebab Mahkamah Persekutuan memberi alasan-alasan pencecualian dalam kes Saubin itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya tidak benarkan itu.

Tuan Karpal Singh: Baru-baru ini

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tadi saya telah membenarkan Yang Berhormat membayangkan latar-belakang sahaja kes itu, tetapi keputusan dibuat oleh mahkamah jangan sebut lagi. Terima kasih.

Tuan Karpal Singh: Saya terima itu, Tuan Pengerusi—tetapi terpaksa terima. Saya harap itu bukan jadi satu precedent, precedent merbahaya jikalau tidak boleh cakap tentang apa yang ada dalam mahkamah

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak payah menakutkan saya, ini Peraturan Mesyuarat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, baru-baru ini Mahkamah Persekutuan telah menunjukkan mahkamah itu—beri saya satu peluang—Mahkamah Persekutuan tidak bersetuju dengan hukuman dalam kes Saubin

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tumpat minta jalan.

Tuan Karpal Singh: Minta jalan atau point of order?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak mengikut

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, ini point of order atau minta jalan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sebutkan tertib mesyuarat.

Tuan Karpal Singh: Ya, beritahu—jangan main!

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Saya sudah duduk.

Tuan Pengerusi: Dia sudah duduk. Yang Berhormat, ini tertib mesyuarat atau minta jalan?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tertib mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Sebutkan nombor itu?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Perkara 36

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jika belum sedia nombor itu sila duduk!

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Perkara 36 (8) yang sudah pun ditimbulkan oleh Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tumpat, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya hendak sebut di sini apa yang ada dikatakan oleh Ketua Hakim Negara ini dalam satu kes baru-baru ini. Ini apa yang ada dikatakan oleh Hakim Besar itu, bolehkah saya cakap apa yang ada dalam kes itu, apa yang ada dikatakan oleh Yang Mulia Raja Azlan Shah, Ketua Hakim Malaya dalam kes

Tuan Pengerusi: Latar belakang kes itu sahaja.

Tuan Karpal Singh: Bukan latar belakang, ini saya quote apa yang ada dalam kes itu, satu kes Pendakwa Raya melawan Tan Hock Hai.

Tuan Pengerusi: Ini kes lain?

Tuan Karpal Singh: Ya, ini kes lain. Apa yang ada dikatakan dalam kes itu, itu pun tidak boleh? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Tetapi jangan menyebut atas keputusan yang dibuat oleh mahkamah. Saya boleh benarkan.

Tuan Karpal Singh: Bukan atas conduct Hakim Besar, tetapi apa yang Hakim Besar cakap dalam kes itu.

Tuan Pengerusi: Pada awalnya saya telah mengatakan bahawa keputusan adalah mengenai conduct seorang Hakim.

Tuan Karpal Singh: How can keputusan be conduct, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Peraturan 44 (1) saya ingin merujuk

Tuan Pengerusi: Apa itu, Yang Berhormat?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Peraturan 44 (1), saya baca:

“Pengerusi setelah menarik perhatian Mesyuarat atau Jawatan-kuasa kepada kelakuan seorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak kena-mengena dengan perkara mesyuarat dan berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam satu perbincangan, boleh memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap.”

Kemudian 44 (2), merupakan kuasa Pengerusi sendiri:

“Pengerusi hendaklah memerintahkan sesiapa ahli yang berkelakuan haru-biru, keluar dengan serta-merta daripada Majlis Mesyuarat hingga habis persidangan pada hari itu” (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong, saya percayalah Yang Berhormat memang memahami Peraturan Mesyuarat 44 (1) yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat dan saya fikir saya tidak perlu menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat itu.

Tuan Karpal Singh: Jikalau guna itu, itu akan jadi satu hal yang tidak adil. Apa yang saya mahu sekarang ialah hak saya sebagai seorang Wakil Rakyat, bukan takut oleh kerana

Tuan Pengerusi: Sekarang saya minta Yang Berhormat menyambung ucapan tetapi jangan lagi sekali menyentuh atas keputusan mahkamah.

Tuan Karpal Singh: Keputusan atau conduct?

Tuan Pengerusi: Keputusan sama juga, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Urusan sama dengan conduct dan character?

Tuan Pengerusi: Keputusan!

Tuan Karpal Singh: Keputusan?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Karpal Singh: Keputusan, character dan conduct serupa?

Tuan Pengerusi: Dari segi

Tuan Karpal Singh: Dari segi apa?

Tuan Pengerusi: Dari segi perjalanan hak mahkamah, saya fikir ini adalah berkait.

Tuan Karpal Singh: Saya quote apa yang ada dikatakan oleh Hakim Besar, boleh itu? Bukan keputusan tetapi apa yang ada dikatakan oleh Hakim Besar dalam kes ini, itu pun tidak boleh? Why is everybody so afraid? There is nothing there. I just want to quote what he has said.

Tuan Pengerusi: Nobody is afraid!

Tuan Karpal Singh: Dengan izin (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Ini bukan satu keputusan, latar belakang, saya benarkan.

Tuan Karpal Singh: Bukan latar belakang, apa yang ada dalam kes dalam judgment.

Tuan Pengerusi: Judgment?

Tuan Karpal Singh: Yes.

Tuan Pengerusi: Ini saya tidak benarkan, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tidak benarkan?

Tuan Pengerusi: Tidak. Jika Yang Berhormat sengaja ingin menyentuh atas perkara ini, saya terpaksa menggunakan Peraturan Mesyuarat 44 (1).

Tuan Karpal Singh: Saya tidak faham apa Tuan Pengerusi mahu (*Ketawa*). It is a pity.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, I have made up my mind.

Tuan Karpal Singh: It is pathetic. You don't know what you are doing.

Tuan Pengerusi: It doesn't matter.

Tuan Karpal Singh: If I can't even quote from what our Chief Justice says, jikalau saya tidak boleh quote apa yang ada dalam satu keputusan Mahkamah Tertinggi dalam negara ini, apa yang lain saya boleh hujjah di sini atas perkara ini? It is not the character, not the conduct, it is the judgment.

Tuan Pengerusi: Jangan sentuh atas keputusan mahkamah, itu sahaja.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, Peraturan 42. Di bawah Peraturan Mesyuarat, sila duduk.

Tuan Karpal Singh: What is it? Point of order atau apa?

Tuan Alias bin Md. Ali: On a point of order! Dia tak pandai dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Karpal Singh: Beritahu!

Tuan Pengerusi: Itu Tertib Mesyuarat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Dia tak pandai Bahasa Malaysia, tak tahu

Tuan Karpal Singh: Tidak apa, tidak apa!

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya menyebut Peraturan Mesyuarat 42 dan mengikut Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat dari Jelutong kena duduk, kena belajar Bahasa Malaysia sedikit.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah melanggar peraturan di bawah Fasal

42 berulang-ulang kali, iaitu apabila Tuan Pengerusi bercakap dia terus berdiri dan berhujah dengan Tuan Pengerusi, ini sudah menyalahi Peraturan Mesyuarat 42 dan yang demikian Ahli dari Jelutong itu telah menghabiskan masa Dewan ini dengan sia-sia dan patutlah perintah-perintah yang lebih keras dikenakan ke atas Ahli Yang Berhormat itu supaya dia hormatkan kepada Dewan yang mulia ini supaya kemuliaan Dewan yang mulia ini tidak tercemar oleh tingkahlaku seorang ahli Dewan ini (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong ingin menyambung ucapan yang tidak menyentuh atas perkara tersebut tadi atau ingin berhenti ucapan Yang Berhormat. Ini satu pilihan.

Tuan Karpal Singh: Ini bukan pilihan, ini jadi satu paksaan (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, peguam-peguam dalam negara kita takut apabila mendengar Bahasa Inggeris dalam mahkamah akan diganti dengan Bahasa Malaysia, itu pun tidak boleh? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Karpal Singh: Kami warisi sistem kehakiman dan undang-undang British. Sistem ini banyak bergantung kepada sistem, dengan izin, "precedents". Peguam-peguam dan hakim-hakim sentiasa merujuk kepada "Case Law" dari negara-negara Komanwel dan juga Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand. Semua buku yang berkaitan dengan "Case Law" dan juga semua buku-buku teks ada dalam Bahasa Inggeris, hanya bilangan yang sedikit sahaja yang diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Macam mana Bahasa Malaysia boleh digunakan dalam mahkamah sebagai menggantikan Bahasa Inggeris?

Tuan Pengerusi, kita mesti ingat pertimbangan yang muktamad ialah hal pentadbiran. Keadilan ialah keadilan dan kepatutan.

Tuan Pengerusi, India dan Pakistan juga yang bermerdeka 10 tahun lebih awal daripada kita menggunakan Bahasa Inggeris dalam mahkamah-mahkamah dalam negara-negara itu. Pelampau-pelampau bahasa sepatutnya tidak boleh diberi peluang untuk terlibat dalam hal ini. Pendapat saya ialah pengenalan Bahasa Malaysia itu boleh menyatakan faedah kepada peringkat sekarang. Kerajaan mesti menimbangkan dengan teliti kriteria-kriteria perlantikan hakim-hakim. Bolehkah saya sambung, Tuan Pengerusi? Itu bukan atas conduct, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Itu bergantung apa yang akan keluar daripada ucapan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Kriteria-kriteria perlantikan Hakim-hakim.

Tuan Pengerusi: Saya fikir janganlah sebut.

Tuan Karpal Singh: Bukan atas character atau conduct tetapi kriteria atas perlantikan.

Tuan Pengerusi: Kriteria sahaja?

Tuan Karpal Singh: Kriteria.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Tuan Karpal Singh: Tidak perlu disebut hanya orang-orang jujur dan character baik hanya boleh dilantik. Pada amnya perlantikan Hakim-hakim hingga sekarang boleh dipuji tetapi ada kadangkala sesuatu perlantikan yang sepatutnya dielakkan. Perlantikan Hakim-hakim itu hendak dibuat mengikut, dengan izin, "Standard" yang tinggi.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Tanggungan 4—T. 4

Tuan Pengerusi: 'B' apa, Yang Berhormat?

Tuan Karpal Singh: T. 4

Tuan Pengerusi: T?

Tuan Karpal Singh: T.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, T tidak termasuk di bawah.....P?

Tuan Karpal Singh: T!

Tuan Pengerusi: T?

Tuan Karpal Singh: Ya, T (Ketawa). Atas Yang Dipertua Dewan Negara.

Tuan Pengerusi: Ini tidak termasuk di bawah perbahasan kita, Yang Berhormat. Perbahasan atas Belanjawan hanya menyentuh Kepala 'B' dan 'P' sahaja Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Kalau begitu, Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hilir Perak.

5.32 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, di dalam menyentuh Maksud B. 1 Parlimen dan Maksud B. 7 Jabatan Perdana Menteri, Kod 1100, Gaji dan Upahan, ingin saya membawa satu perkara fitnah yang serius yang telah diutarakan oleh wakil dari Kota Melaka juga Ketua Pembangkang pada petang semalam, 9hb November, 1982.

Saya tidak tahu adakah ini tugas Ketua Pembangkang kerana elaunnya telah dibayar oleh wang rakyat tetapi semata-mata datang ke Dewan yang mulia ini dan membuat fitnah yang liar dan tidak berasas. Pada petang semalam Wakil dari Kota Melaka telah mengatakan bahawa satu jenis rasuah yang baru, yang serius telah wujud di bawah pemerintahan Kerajaan 2M iaitu pemohon-pemohon yang berjaya mendapatkan projek-projek bernilai berjuta-juta ringgit baik pun ianya adalah satu skim perumahan raksaksa atau kontrak "turnkey" yang besar yang melibatkan beratus-ratus juta ringgit dikehendaki

menyumbang secara substantial kepada UMNO khasnya kepada Tabung Bangunan UMNO dan sumbangan ini adalah dalam ertikata berjuta-juta ringgit.

Tuan Pengerusi, ingin saya memohon kepada Ketua Pembangkang itu untuk membuktikan projek raksaksa perumahan atau kontrak "turnkey" yang manakah yang diluluskan oleh Kerajaan kerana adanya pembayaran dibuat kepada UMNO dan Tabung Kompleks UMNO; ataupun projek "turnkey" mana atau projek raksaksa perumahan yang manakah yang telah ditolak oleh Kerajaan semata-mata kerana tidak sanggup menderma kepada UMNO atau Tabung Kompleks UMNO?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat itu minta jalan, adakah Yang Berhormat benarkan atau tidak?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu tugas Badan Pencegah Rasuah untuk mendapat butir-butir yang selanjutnya.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, kalau sekiranya minta butir-butir daripada Badan Pencegah Rasuah, jangan buat fitnah di Dewan yang mulia ini (*Tepuk*).

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya sebutkan tadi ini kita menyeru agar Badan Pencegah Rasuah menjalankan siasatan yang selanjutnya untuk mengetahui akan kebenarannya.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, tetapi dalam ayat ini menyebutkan: "Saya telah diberitahu" Siapa yang beritahu?

Tuan Pengerusi, janganlah Wakil tersebut membuat tohmah dan fitnah yang liar kerana dengan fitnah ini bukan sahaja merosakkan imej Kerajaan di kacamata pelabur-pelabur tempatan tetapi juga membunuh semangat pelabur-pelabur luar negeri untuk datang melabur di negara ini. Kalaupun Ketua Pembangkang ataupun pihak Pembangkang cemburu dan dengki atas kecekapan Kerajaan negara ini, janganlah mencari jalan untuk membantutkan kelicinan pembangunan negara kerana dengan membuat fitnah-fitnah yang liar hingga cuba menghalau pihak-pihak pelabur yang ingin bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan untuk membangunkan negara ini, cara ini bukan sahaja akan melemahkan Kerajaan tetapi juga akan membantutkan pembangunan dan akhirnya akan menyiksa rakyat jelata.

Perbuatan Ketua Pembangkang menakut-nakutkan pelabur-pelabur dalam negeri ini dan juga daripada luar negeri ini, secara tidak langsung menolong untuk memberi penderitaan kepada rakyat dan inilah tugas Ketua Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini iaitu mencari jalan apa sahaja walaupun membuat fitnah yang kotor agar rakyat menjadi menderita? Nampaknya Ketua Pembangkang sungguh licin dan kotor mencari fitnah untuk memburukkan Kerajaan dan negara ini di kacamata pelabur-pelabur luar negeri. Kita semua di sini seberapa daya cuba dengan seberapa boleh untuk memberi pandangan yang bernas dan elok di luar negeri untuk menarik pelabur-pelabur asing datang ke sini untuk menolong membangunkan negara ini untuk kesentosaan hidup rakyat tetapi Ketua Pembangkang tidak mahu ini berlaku kerana beliau tidak mahu pembangunan dan tidak mahu melihat hidup rakyat bertambah baik.

Untuk maksud inilah Ketua Pembangkang membuat fitnah tersebut agar kepercayaan pelabur-pelabur tempatan dan pelabur-pelabur

asing terhadap Kerajaan lenyap begitu sahaja. Secara tidak langsung beliau tidak mahu rakyat senang, tidak mahu rakyat membangun, tidak mahu rakyat mempunyai rumah sendiri, tidak mahu sekolah dibina untuk anak-anak, tidak mahu rumah sakit dibina, tidak mahu jalan raya. Apa yang beliau mahu ialah rakyat menderita selama-lamanya. Nampaknya Ketua Pembangkang di dalam Dewan ini sungguh bertanggungjawab, bertanggungjawab untuk meruntuhkan negara dan bertanggungjawab untuk menyiksa rakyat jelata dengan membuat fitnah-fitnah yang kotor ini. Sekian, terima kasih (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.38 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Maksud B. 1 hingga B. 14 dan P. 7 hingga P. 9 berhubung dengan Anggaran Belanja Mengurus di bawah Jabatan Perdana Menteri seperti terkandung dalam Anggaran Belanjawan, tahun 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia baru-baru ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya khasnya sukacita merujuk kepada B. 1 iaitu Parlimen, muka surat 29, Butiran 1100 berkenaan dengan Aktiviti (1) Pentadbiran Am yang mana anggaran tahun 1983 ini berjumlah \$1,016,300. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat kerana semenjak beliau datang ke Parlimen ini nampaknya kerusi Speaker itu telah diubah dengan yang baru. Saya ucapkan syabas dan kalau boleh tukar kerusi Speaker, di tempat kita duduk ini pun eloklah diperelokkan, kalau ada peruntukan kerana kerusi yang ada ini semenjak Parlimen wujud dia telah wujud. Maka kalau boleh tolong

elokkan biar sesuai dengan kerusi yang diduduki oleh Tuan Speaker itu (*Ketawa*).

Saya sungguh terperanjat apabila saya berada dalam Dewan yang mulia ini apa yang dikatakan oleh Wakil Rakyat kawan saya dari Pasir Putih tadi memanglah itu sikap DAP.

Sebagai contoh tadi kita semua lihat sendiri wakil dari kepong yang baharu sehari dua menjadi Ahli Parlimen tetapi tugasnya tidak lain dan tidak bukan cuma menarik perhatian bahawa tidak cukup korum. Walhalnya pada masa itu ahli-ahli DAP pun tidak ada dalam Dewan. Itulah tugas yang dijalankan oleh parti Pembangkang dalam Dewan ini, sentiasanya membangkitkan perkara yang semacam itu. Kalau boleh saya nasihatkan wakil dari Kepong itu lain kali tak usahlah buat macam itu.

Saya dengar tadi wakil dari Jelutong ada membangkitkan memuji-muji India dan Pakistan kerana di sana bahasa Inggeris masih boleh digunakan lagi. Di India berlainan dengan Malaysia. Kita di sini bahawa di dalam Perlembagaan ada mengatakan bahasa rasmi adalah Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara kita. Jadi sebab itulah dalam Dewan Rakyat pun kalau hendak bercakap orang putih macam tadi, beliau sendiri mengaku silap dengan izin dia minta, sebab pada mulanya dia tidak kata izin. Kalaupun betul India baik kita harap mana orang kata baik, balik sana sahaja (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, peruntukan Parlimen pada tahun ini berjumlah \$16.69 juta di mana Butiran 1100, itu, saya agak satu anggaran perbelanjaan yang kurang cukup bagi Parlimen, kerana di Parlimen kita ini banyak benda-benda kita kena buat yang perlu. Maklumlah Parlimen ini adalah tempat yang tertinggi, membuat undang-undang pun di sini juga maka banyak perkara-perkara yang patut kita wujud di sini supaya sesuai

dengan negara merdeka ini. Parlimen adalah sebuah Dewan yang membuat undang-undang yang begitu baik maka peruntukan patut ditambah lagi sepertimana yang dikatakan oleh sahabat saya dari Pasir Puteh tadi memang pekerja-pekerja, pegawai-pegawai di sini berasa macam keluhan-kesah kerana mereka ini adalah Jabatan Tertutup, mereka tidak boleh pergi ke lain, jadi gaji mereka perlu dikaji semula, diberi pertimbangan sewajarnya supaya mereka ini bekerja dengan saksama dan sesuai untuk Parlimen negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya sungguh berasa bangga kerana pada tahun sudah saya ada bercakap berkenaan kolam di depan bangunan, kerana baru-baru ini saya dapat tahu di kolam itu telah pun dibubuh ikan-ikan di mana kita Ahli-ahli Parlimen, maklumlah hendak buat undang-undang dan sebagainya kalau kita lihat ikan itu menjadi satu inspirasi kepada kita. Alhamdulillah, saya membangkitkan tahun sudah kerana kolam kosong, tiada apa dan tahun ini dengar kata Jabatan Perikanan telah membubuh ikan dan ikan subur dan kita boleh lihat ikan dan fountain pun sudah bergerak dengan begitu baik. Ini adalah satu perkara yang baik untuk Parlimen kita dan saya ucapkan syabas kepada Tuan Speaker kerana semenjak beliau datang banyak perubahan di dalam Parlimen ini kerana dahulu VIP kantin di bawah, sekarang telah dibawa naik ke atas. Kita lihat cukup cantik. Ini semua berkehendakkan perbelanjaan yang banyak. Kalau tidak cukup duit susah juga tetapi malang sedikit kantin itu duduk di atas, bila kita minum katalah bila orang bercakap di Dewan ini kita tidak dengar. Kalau boleh mintalah pembesar suara dibubuh di kantin baru itu sesuai untuk berada di Parlimen kerana maklumlah kalau kita duduk di dalam ini daripada pukul 2.30 sampai 6.30 petang susah juga bagi Wakil Rakyat terpaksa kena

keluar. Dan bagi wakil yang suka menarik perhatian mengatakan tidak cukup koram ini kita ingatkan sama, dia pun kena keluar juga (*Ketawa*).

Lagi satu perkara yang saya katakan bagus bagi tindakan oleh Parlimen ini kerana pada tahun ini telah pun ada satu program baru iaitu berjalan kaki bagi Wakil-wakil Rakyat. Ini memang sesuai kerana kita berfikir banyak dan saya dapat tahu daripada tuan doktor di Parlimen banyak Wakil-wakil Rakyat darahnya tinggi. Maka dengan adanya aktiviti berjalan kaki ini kita harap semua Wakil-wakil Rakyat Parlimen termasuk Pembangkang juga boleh jadi sihat dan darah itu tidak tinggi dan tidak rendah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada muka surat 39 berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Saya tiap-tiap kali bercakap maklumlah saya datang daripada hulu, kawasan saya begitu besar sekali. Apabila balik ke sana terpaksa saya pergi ke kawasan tiga kali negeri Perlis besarnya. Kalau boleh saya minta supaya Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji semula tempat-tempat pilihanraya ini sesuai, janganlah memandang sepertimana yang diminta oleh wakil dari Kepong tadi iaitu mengikut jumlah pengundi. Tempat saya pengundi sedikit tetapi perjalanan begitu jauh. Macam Ulu Kelantan demikian juga, perjalanan begitu jauh yang mana kita terpaksa pergi. Banyak orang kata, orang tidak ramai, tetapi tidak ramai pun, di ceruk sana ada 10 buah, lagi dua puluh batu ada 5 buah, kita terpaksa pergi kerana Wakil Rakyat. Kerana keadaan yang begitu susah perjalanan maka kita harap Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji semula kedudukan cara yang lebih sesuai, tidak usah kira dari segi jumlah pengundi. Kalau saya dapat Kuala Lumpur tak usah pecahlah, Kuala Lumpur area dia kecil kalau hendak pergi satu hari 1,000 buah rumah pun

boleh tetapi kalau kawasan Ulu Muda, Ulu Kelantan, Ulu Terengganu sudah tentu perkara ini tidak boleh buat. Maka patutlah dikaji semula kalau perlu kita tambahkan kawasan-kawasan pilihanraya ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 51, Butiran 1100, Program (d) Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan.

Di tempat saya memanglah hampir dengan sempadan Thailand. Sebelah Thailand juga ada masalah-masalah yang sedang berlaku di negara itu. Maka orang-orang yang tidak secocok dengan Kerajaan sana, tidak secocok dengan rakyat sana masuk dalam kawasan saya. Saya mintalah kalau boleh Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan dalam kawasan ini mengawasi kerana mereka ini ada masuk dalam kawasan dan terpaksa pergi ke rumah-rumah rakyat minta makanan. Tidak beri tidak boleh kerana mereka maklumlah ada senjata dan sebagainya. Ini adalah perlu dan mustahak supaya kawasan KESBAN berhampiran dengan sempadan Thailand itu kita diberi perhatian sedikit oleh pegawai yang berkenaan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 53, Butiran 1200, Program (5) Pentadbiran Agama Islam, dalam Jabatan perdana Menteri.

Saya berkali-kali membangkitkan masalah berkenaan dengan Perbadanan Pentadbiran Agama Islam. Kita dapat tahu Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini memanglah menjalankan pentadbiran begitu berkesan tetapi ada benda-benda yang perlu Jabatan Perdana Menteri bahagian Pentadbiran Agama Islam ini mengawasi kerana saya dapat tahu di hotel-hotel bahawa makanan daging-daging yang halal dan tidak halal dicampurnya sekali dan dimasaknya sekali dan diberi kepada orang yang order barang-barang itu.

Saya sendiri jumpa tetapi saya tidak payah sebut di mana tempatnya. Saya order makanan 'beefsteak', apabila dia bawa 'beefsteak' dengan satu lagi 'steak', saya tanya macam mana dia masak ini dan bawa mari pun sekali. Dia kata masak sebelanga. Lepas itu budak itu beritahu saya bukan setakat masak sebelanga, di dalam peti ais pun dia bubuh daging itu bersama. Jadi mintalah bahagian Pentadbiran Agama Islam membuat pemeriksaan bersama di hotel-hotel besar kerana ada juga orang-orang yang beragama Islam makan barang-barang yang tidak diredai oleh Islam.

Tuan Pengerusi, sukacita saya merujuk kepada muka surat 55, Program (4) dan (6) Keselamatan Negara dan Pengurusan Bangunan Kerajaan.

Saya tengok bandar di dalam negara kita, khususnya di Kuala Lumpur ada satu tempat yang agak penting kepada negara kita iaitu Tugu Peringatan Negara. Kita semua berasa bangga kerana Kerajaan boleh buat Tugu Peringatan Negara. Pelawat-pelawat VIP daripada luar negeri apabila datang, sebagai contoh Presiden Pakistan yang baru datang dibawa melawat ke situ, tetapi yang sedih sedikit gambar-gambar di Tugu Peringatan itu kalau kita tengok betul-betul mereka itu bukan contoh rakyat Malaysia. Tidak ada rupa yang macam Melayu, tidak ada rupa macam Cina, tidak ada rupa macam India. Gambar-gambar itu adalah bercorak macam "orang puteh", mungkin dibuat oleh "orang putih". Jadi kalau kita tengok bermakna rakyat Malaysia kebanyakan orang puteh belaka. Kalau boleh saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tengok semula, kalau boleh pinda, kita nampak macam Melayu, kita nampak macam Benggali (*Ketawa*), kita nampak macam India dan sebagainya. Jadi rakyat Malaysia begitu rupa. Biarlah Tugu Peringatan itu dibentuk sesuai dengan rakyat Malaysia. Ini

haruslah memakan belanja banyak, tetapi kita percaya dengan adanya Kerajaan bersih, cekap dan amanah, benda itu boleh tengok juga supaya betul sepertimana yang dicakapkan oleh orang dari ulu ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 70, Butiran 16 berkenaan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Lembaga Urusan dan Tabung Haji di bawah Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan di bawah Akta 8 Tahun 1969 dan Akta 9/68 Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973. Dengan kuatkuasa Akta-akta tersebut, Akta Perbendaharaan Wang Simpanan Orang-orang Tanah Melayu 1963 dimansuhkan. Tujuan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ditubuhkan adalah bagi membolehkan orang-orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji atau lain-lain perbelanjaan yang berfaedah. Membolehkan orang-orang Islam melalui wang simpanan mereka mengambil bahagian dengan lebih berkesan di bidang penanaman modal dalam lapangan perusahaan, perladangan, perumahan, tanah, bangunan melalui cara yang halal di sisi agama Islam dan menjamin perlindungan, pengawalan dan kebajikan orang Islam menunaikan fardu haji dengan mengadakan kemudahan dan perkhidmatan masyarakat termasuk perubatan.

Tuan Pengerusi, saya terpaksa membangkitkan perkara ini di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana saya tengok banyak masalah-masalah yang dibangkitkan oleh rakyat tiap-tiap tahun, bahkan dalam tahun ini di dalam Dewan Rakyat ini pun ada bangkit masalah ini. Yang sebenarnya, perkara ini sepertimana yang saya katakan tadi tujuan dan maksudnya dapat dicapai dan sedang dijalankan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Saya menyokong peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri. Kalau boleh, peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri perlu ditambah memandangkan tugas-tugas Jabatan Perdana Menteri amat luas dan menyeluruh. Kita tahu tugas-tugas Jabatan Perdana Menteri bukan sahaja menjaga kesejahteraan rakyat di Malaysia yang dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Perancang Keluarga, Rukun Tetangga dan Lembaga Perpaduan Negara, tetapi juga kebajikan sebilangan rakyatnya sewaktu berada di luar negeri iaitu khasnya menjaga jemaah-jemaah haji di Arab Saudi oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Pengerusi, saya baru sahaja balik dari Mekah dan saya dapati bahawa peruntukan wang bagi Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang merupakan pemberian Kerajaan itu sungguh sedikit jika dibandingkan dengan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kerajaan kepadanya atau jika dibandingkan dengan apa yang rakyat berkehendakkan Tabung Haji sumbangkan kepada jemaah haji. Saya difahamkan bahawa pemberian Kerajaan itu merupakan sebahagian daripada perbelanjaan Tabung Haji dan perbezaan bagi menguruskan kerja-kerja ditanggung daripada keuntungannya. Tabung Haji sungguh-sungguh merupakan satu badan yang telah banyak meringankan beban Kerajaan. Kita patut bersyukur dan mengucapkan syabas kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji memandangkan banyak badan-badan Kerajaan yang telah mengalami kerugian. Tetapi saya perhatikan melalui berita-berita di akhbar-akhbar tempatan, khasnya daripada satu suratkhbar yang terpaksa hidup kerana memutarbelitkan berita atau mengada-adakan benda yang tidak ada adalah tuduhan perkhidmatan buruk Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Kebanyakan yang membuat tuduhan itu bukan tidak faham

tentang keadaan sebenarnya di Arab Saudi tetapi mungkin tidak ingin melihat orang-orang Melayu berjaya dalam bidang ekonomi melalui Tabung Haji. Oleh itu, masalah-masalah peribadinya yang timbul di Arab Saudi telah mengaitkan dengan kejayaan Tabung Haji dalam bidang ekonomi. Orang itu terkenal sebagai seorang ahli politik yang tidak ada pegangan lagi telah menyoal tentang Tabung Haji membina bangunan di Malaysia dan juga ladang-ladang yang dipunyainya.

Bukan setakat itu sahaja, Tuan Pengerusi, dia juga mengugut supaya rakyat jangan menyokong Tabung Haji. Orang seperti ini patut diambil tindakan mahkamah kerana ia adalah musuh bangsa. Seorang lagi pula orangnya tidak asing lagi dalam bidang suratkhbar dan namanya telah terkenal dalam tiga atau empat tahun yang lalu telah juga menuduh berkenaan dengan perkhidmatan buruk Tabung Haji iaitu mengikutnya tempat tinggal yang tidak baik disediakan kepada jemaah-jemaah haji, kurang penerangan, layanan yang tidak memuaskan dan perkhidmatan Sheikh-sheikh Haji, malah harga-harga barang, mahal pun disalahkan kepada Tabung Haji. Sebaliknya, ia telah mengesyorkan supaya Tabung Haji membina rumah-rumah di Mekah dan juga memberi subsidi untuk membeli air bagi jemaah-jemaah haji. Orang ini memang tidak mahu menerima hakikat bahawa undang-undang Arab Saudi telah pun menentukan apakah tanggungjawab Tabung Haji dan apakah tanggungjawab pihak-pihak berkenaan Arab Saudi dan apakah tanggungjawab jemaah sendiri. Undang-undang telah pun menyatakan bahawa selain daripada warganegara Arab Saudi orang lain tidak boleh membina rumah untuk jemaah haji atau menyewa rumah untuk jemaah haji. Oleh itu, apa yang disyorkan itu adalah satu cadangan

untuk Tabung Haji menentang cadangan-cadangan Kerajaan Arab Saudi. Mungkin orang ini tidak ingin melihat hubungan baik antara Tabung Haji dengan pihak-pihak yang berkenaan di Arab Saudi.

Tuan Pengerusi, ada juga tuduhan yang mengatakan Tabung Haji tidak memberi penerangan kepada bakal-bakal haji. Sebenarnya, kita ada kursus untuk jemaah-jemaah haji sebelum mereka bertolak dan berbagai-bagai penerangan telah pun diberi kepada bakal-bakal haji sewaktu mereka mendaftar diri dalam kursus haji dan di lapangan terbang lapangan terbang sebelum mereka berlepas. Risalah-risalah penerangan juga dikeluarkan seperti 40 perkara yang perlu diketahui oleh Hujjad, 20 perkara yang mesti diketahui oleh Hujjad Malaysia dan buku risalah penerangan kepada Hujjad Malaysia. Adakah ini belum mencukupi lagi? Yang membuat tuduhan ini adalah sebilangan kecil sahaja. Begitu juga suratkhbar yang membesarkan itu hanya suratkhbar yang tidak dapat menyiapkan berita-berita lain kerana kekurangan berita yang mahir dalam bidang-bidang lain. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan Arab Saudi sendiri telah pun memuji perkhidmatan Tabung Haji. Rakyat-rakyat asing telah memberi penghargaan malah beberapa rombongan Kerajaan-kerajaan iaitu dari Indonesia, Pakistan, Bangladesh, Thailand, Philippines; Brunei dan Singapura telah pun datang ke Malaysia untuk mencontohi Tabung Haji. Sekiranya khidmat Tabung Haji ini kurang baik daripada khidmat yang diberikan oleh badan-badan haji dari negara-negara tertentu seperti yang dituduh dalam akhbar-akhbar itu tentu sekali negara-negara lain tidak mahu mencontohi LUTH.

Tuan Pengerusi, kita berasa bangga kerana dua hari yang lepas dalam lawatan Presiden Pakistan ke negara kita, Presiden itu sempat juga

melapangkan masa melawat ke Kompleks Tabung Haji di Sungai Way. Inilah kata beliau, "Satu-satunya badan yang hendak menolong rakyat pergi menunaikan haji. Di dalam dunia tidak ada negara lain yang buat macam kita". Kita berasa bangga dan ini adalah kebijaksanaan Y.A.B. Perdana Menteri kita yang sanggup hendak menolong rakyat yang berpendapatan kecil, khususnya orang-orang Melayu supaya simpan duit beransur-ansur, kemudian pergi ke Mekah. Kita sediakan tempat dan tempat-tempat ini mengikut kata Lembaga Urusan dan Tabung Haji 4 buah lagi akan dibina iaitu di Pulau Pinang, di Kota Kinabalu, di Kuching dan mungkin satu lagi di Senai di mana lapangan terbang lapangan terbang antarabangsa boleh turun supaya jemaah-jemaah haji tidak lagi ganggu lapangan terbang itu.

Mengenai urusan haji ini saya suka memetik sebahagian daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di upacara meletakkan batu asas Kompleks Tabung Haji pada 15hb Januari, 1982 untuk direnungkan oleh para pengkritik berkenaan.

"Masalah tidak akan hapus semua sekali, kerana dalam urusan haji ada lain-lain pihak yang terlibat yang tidak ada di bawah kuasa LUTH atau kuasa Kerajaan negara kita. Sementara kita mesti berusaha supaya kita boleh mengerjakan ibadat haji tanpa sebarang masalah. Kita juga patut ingat bahawa ibadat haji tanpa sebarang masalah. Kita juga patut ingat bahawa ibadat haji adalah sebagai cabaran kepada kita yang mana kita perlu hadapi dengan tidak payah mengeloh sepanjang masa".

Itu apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa meletakkan batu asas dahulu.

Tuan Pengerusi, daripada apa yang saya katakan tadi nampaknya Tabung

Haji sungguh satu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri perlu mendapat sokongan dan sanjungan daripada seluruh rakyat Malaysia. Kita harap di tahun-tahun yang akan datang rakyat miskin faham betul-betul tugas Tabung Haji, janganlah hendak marah sangat kepada Tabung Haji kerana apa yang mereka hendak marah itu bukanlah tanggungjawab Tabung Haji. Bagi pihak Pegawai-pegawai Tabung Haji yang pergi ke sana hanya menjalankan tugas kebajikan masyarakat semata-mata. Saya sendiri dapat tahu kerana saya berbincang dengan jemaah-jemaah negara-negara lain di Mekah baharu-baharu ini, mereka mengakui bahawa di dalam dunia, negara Malaysialah satu-satu negara yang memberi kemudahan kepada jemaah haji—orang-orang Islam yang mengerjakan haji tiap-tiap tahun.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 105, B. 14 berkenaan dengan Badan Pencegah Rasuah.

Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih dan bersyukur kepada Allah kerana Badan Pencegah Rasuah apabila kita pinda Perlembagaannya di dalam Dewan ini nampaknya perjalanan mereka begitu berkesan sekali pada hari ini. Mereka memanglah dituduh oleh parti Pembangkang tiap-tiap kali terutama sekali DAP mengatakan bahawa Badan Pencegah Rasuah ini selalu pilih ikan bilis sahaja dan tidak pilih ikan yu, tetapi Alhamdulillah pada hari ini nampaknya Badan Pencegah Rasuah memang menjalankan tugasnya begitu berkesan sekali. Ini membuktikan bahawa Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini menggunakan Badan Pencegah Rasuah ini begitu berkesan sekali tanpa pilih kasih, siapa juga yang buat salah maka mereka datang. Bagi mereka yang tahu terutama sekali DAP yang selalu

membangkitkan kelemahan Badan Pencegah Rasuah ini kalau ada bukti-bukti tolong beri tahu kepada Badan Pencegah Rasuah. Insya Allah, kita percaya Badan Pencegah Rasuah di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana satu Kerajaan bersih, cekap dan amanah ini akan menjalankan tugasnya dengan begitu berkesan dan baik. Kita harap segala peruntukan-peruntukan yang diminta ini mesti ditambah lagi tahun hadapan kerana tanggungjawab yang dijalankan oleh Jabatan Perdana Menteri ini begitu berat sekali.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya bercakap pada hari ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sandakan.

6.05 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Mr Chairman, I want to touch on B. 1, Butiran 1100—Gaji and Upahan.

Yesterday, the Member for Ulu Trengganu attacked the Opposition Leader and even suggested that the post should be abolished. This is indeed a compliment for the Leader of the Opposition. His appointment and performance is none of the business of the Member for Ulu Trengganu or any other Member from the Barisan Nasional. The Member for Ulu Trengganu would be qualified to talk about the matter if he resigns the Barisan and joins the Opposition. We want an Opposition Leader who is chosen by the Opposition and not by the Barisan Member like the Member for Ulu Trengganu. If the sad day should ever come when the Leader of the Opposition is dictated by the Member for Ulu Trengganu, then indeed the post should be abolished for it would then be no more than a puppet of the Barisan Nasional.

Although the Member for Ulu Trengganu has served in Parliament for two terms, he is shockingly ignorant of Parliamentary procedures and Standing Orders. No wonder his other party colleagues have gone up to become Deputy Ministers and Ministers while he is still a back-bencher.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini di bawah Kepala berapa?

Tuan Fung Ket Wing: Kepala B. 1.

Tuan Pengerusi: Butir-butir mana?

Tuan Fung Ket Wing: 1100, Gaji dan Upahan—Parliament. His appointment as Chairman of the Bank.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36 (4) mengatakan seseorang Ahli Yang Berhormat tidak boleh menggunakan bahasa kesat terhadap seorang Yang Berhormat yang lain dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bahasa kesat itu apa?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Mengatakan bahawa seseorang Wakil Rakyat itu oleh kerana dia tidak cekap maka colleaguenya sudah naik ke atas daripada dia, itu merendahkan imej dan statusnya dari pandangan sahabat-sahabatnya yang lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu saya benarkan. Sila sambung.

Tuan Fung Ket Wing: He did not know that he had to give notice before he could move a salary cut during the Committee Stage of the Supply Debate. He did not know under what law the post of Ketua Pembangkang was created, and publicly expressed his ignorance.

Tuan Alias bin Md. Ali: Untuk makluman Dewan ini, saya minta Ahli Yang Berhormat itu beri jalan.

Tuan Pengerusi, perlantikan Ketua Pembangkang saya bukan tidak tahu, tetapi apabila saya timbulkan perkara itu semalam, saya sengaja meminta keterangan supaya Ahli-ahli Pembangkang termasuk Ketua Pembangkang sedar bahawa perlantikan Ketua Pembangkang itu tidak dibuat dalam Perlembagaan—tidak ada provision di dalam Perlembagaan atau Peraturan Mesyuarat, perlantikan itu dibuat hanya atas provision atau satu Akta yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Apabila satu perlantikan itu dibuat atas Akta Dewan, maka Akta itu sendiri boleh dipinda dengan simple majority oleh Dewan ini. Ini patut menjadi amaran kepada Ketua Pembangkang supaya jangan bercakap terlalu bongkak. Kalau tidak, kami akan membawa satu motion meminda Akta itu supaya menghapuskan jawatan Ketua Pembangkang. Perlantikan itu berada di tangan Barisan Nasional dalam Dewan ini, bukan sebagai satu hak pihak Pembangkang (*Tepuk*).

Tuan Fung Ket Wing: Mr Chairman, since the Member knows about it, why did he wants to make such a mistake in the House here?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yes, hendak apa, Yang Berhormat?

Dr Goh Cheng Teik: On a point of order. . . .

Tuan Pengerusi: Sebutkan itu Tertib Mesyuarat.

Dr Goh Cheng Teik: Peraturan Mesyuarat 36 (6). Tadi Ahli Yang Berhormat dari Sandakan ada sebutkan bahawa Ahli Yang

Berhormat dari Ulu Trengganu itu tidak naik pangkat walaupun rakan-rakannya telah berkhidmat begitu lama telah naik pangkat. Di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (6), dengan izin: “No member shall impute improper motives to any other member.” Lagi pun mengikut 36 (4), “It shall be out of order to use offensive and insulting language about members of the House.” Jadi tadi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu nampaknya adalah satu “personal attack” dan saya minta Tuan Pengerusi buat keputusan bahawa Ahli Yang Berhormat itu menarik balik. Kalau dia hendak kritik dasar atau ucapan seseorang Ahli Yang Berhormat itu memang boleh, tetapi “personal attack” saya rasa itu tidak begitu adil.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, mengenai kesalahan di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (4), pada pendapat saya itu tidak salah. Pada kesalahan di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (6), saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Sandakan jangan gunakan bahasa seperti itu lagi.

Tuan Fung Ket Weng: Tuan Pengerusi. . . .

Dato Haji Mohd. Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, kalau keputusannya adalah seperti yang demikian, saya memohon supaya kata-kata itu ditarikbalik supaya ia tidak tercatat di dalam *Hansard*, di dalam record of proceedings mesyuarat ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, oleh kerana pada pendapat saya walaupun bahasa itu ada sedikit merendahkan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, saya fikir itu tidaklah sangat serius. Saya hanya menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan jangan menggunakan bahasa seperti itu lagi. Sila menyambung ucapan.

Tuan Fung Ket Wing: Mr Chairman, when the Ketua Pembangkang spoke, the Member for Ulu Trengganu always wanted to interrupt by asking the Ketua Pembangkang to give way. The Ketua Pembangkang had invariably given way to the Member for Ulu Trengganu, and even yesterday the Ketua Pembangkang during his speech had always given way to the Member for Ulu Trengganu. But when the Member for Ulu Trengganu spoke and distorted the facts and the Ketua Pembangkang wanted to clarify, the Member for Ulu Trengganu dared not give way after doing so once when he was exposed in this House as ignorant of Parliamentary procedures. Why try to behave as a very brave M.P.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Pengerusi, on point of order 36 (1):

“Seorang Ahli Yang Berhormat hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.”

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tidak bercakap mengenai perkara yang dibincangkan sekarang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya harap Ahli Yang Berhormat jangan keluar jauh sangat daripada perkara yang asal.

Tuan Fung Ket Wing: Mr Chairman, since the Member for Ulu Trengganu spoke at length on this matter but nobody stopped him, I am just giving a reply.

Tuan Pengerusi: Keep within the subject, Yang Berhormat.

Tuan Fung Ket Wing: Yes, I am keeping within the subject because he

tried to move a motion and raised the point to make a \$10 cut—this is a reply to his statements. But the Member for Ulu Terengganu, why did he try to behave as a very brave M.P. when the Ketua Pembangkang always gave him a chance to clarify, whereas he himself was never brave enough to give way to the Ketua Pembangkang for clarification? This was why the Ketua Pembangkang left the Chamber yesterday, for he saw no point in listening to a speech of a Member who dared not face immediate correction of his distortions and untruths. One such distortion is his attack on the Ketua Pembangkang, as only coming in from 2.30 p.m. to 3.30 p.m. every day to ask questions to Ministers and then leaving the House. It is unfortunate that Radio and Television gave this distortion and untruth the greatest play. Would Radio and Television Malaysia in its “Parliamentary Report” today give equal prominence to my statement that this allegation of the Member for Ulu Terengganu is untrue?

The Member for Ulu Terengganu appears to be speaking for the Berjaya Independents when he said that they do not support the Ketua Pembangkang. The very fact that the Barisan Member for Ulu Terengganu is speaking for the Sabah “Berjaya Independants” show how fraudulent they are in calling themselves “Independents”.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya fikir ini sudah terkeluar daripada Kepala yang berkenaan.

Tuan Fung Ket Wing: The Member for Ulu Terengganu criticised the Ketua Pembangkang for often drawing the attention of the House to a lack of quorum. In fact, the Member for Ulu Terengganu had become such a victim of “quorum-itis”, the disease of the Barisan Nasional which is unable to ensure a quorum despite an overwhelming parliamentary majority, that he is

Tuan Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Boleh benarkan?

Tuan Fung Ket Wing: Tidak.

Tuan Pengerusi: Tidak dibenarkan.

Tuan Fung Ket Wing:that he is getting very confused in the head. In the present term of Parliament, the Ketua Pembangkang has not called the attention of the House to a lack of quorum yet, although we have called one today. He had done so many times in the previous Parliament and no doubt will do so in the future. This is not his fault, but the fault of the Barisan MPs who want to be elected but are not prepared to be in the House to provide even a quorum.

Not only is the DAP concerned over the lack of quorum in the House, even the Prime Minister himself is very concerned over this, as exemplified by his letter marked "Secret" dated 20th October, 1981 to all Barisan MPs and Ministers, literally scolding them for not providing sufficient quorum in the House. His letter reads:

"I am very displeased to know that the Dewan Rakyat had on several occasions no quorum for debate to ensue. This negligence. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, surat itu daripada mana?

Tuan Fung Ket Wing: Dari Prime Minister.

Tuan Pengerusi: Kepada siapa?

Tuan Fung Ket Wing: Dated 20th October. . . .

Tuan Pengerusi: Kepada siapa, Yang Berhormat?

Tuan Fung Ket Wing: To all the Members of Parliament.

Tuan Pengerusi: Dalam Bahasa Inggeris?

Tuan Fung Ket Wing: To all Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi: Sila bacakan surat asal itu, read the original letter.

Dr Tan Tiong Hong: On point of order. Ini di bawah Peraturan Mesyuarat 35 (6).

"35 (6) Seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacanya cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya dan boleh ditengoknya peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang hendak dicakapkannya."

Surat ini tidak ada langsung berkaitan dengan perbahasan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sebagai Pengerusi saya boleh membenarkan dia membaca apa-apa surat yang ada berkaitan dengan ucapan beliau. Saya hanya meminta Yang Berhormat itu membaca surat asal itu, bukan satu terjemahannya.

Tuan Fung Ket Wing: I have only pointed out what are the contents of the letter.

Tuan Pengerusi: Pointed out?

Tuan Fung Ket Wing: Yes, If you want, I can produce it to you later.

Tuan Pengerusi: Baik!

Tuan Fung Ket Wing: It continues:

".....that the Dewan Rakyat had on several occasions no quorum for debate to ensue. This negligence embarrasses the Government and the Barisan Nasional a great deal. Accusations have already been made that Barisan MPs are only interested in obtaining their sitting allowance and not interested in participating in the

debate. Invariably, this accusation will have effect on the party and the Honourable Member himself in the elections."

This letter speaks volumes of how irresponsible the Barisan MPs are.

Mr Chairman, a Member from the Barisan Nasional today brought up the subject of possible corruption in certain turnkey projects as pointed out by the Opposition Leader.

Tuan Pengerusi: What project, Yang Berhormat?

Tuan Fung Ket Wing: Turnkey project.

Tuan Pengerusi: Oh, turnkey project!

Tuan Fung Ket Wing: It is the duty of the Government, in particular the Anti-Corruption Agency, to investigate into the above-mentioned matter in order to find out the truth. The Yang Amat Berhormat Prime Minister himself is aware of the legal, moral and material corruption in this country. We should like to ask to which category of anti-corruption activities, as mentioned by Yang Amat Berhormat Prime Minister, is the Yang Berhormat committed. Let us know whether he is committed to the eradication of corruption.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marudu.

6.26 *ptg.*

Tuan Haji Affendy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephen (Marudu): Tuan Pengerusi, saya ingin memberitahu berkenaan dengan Maksud Bekalan 7, Jabatan Perdana Menteri di bawah Program (8) Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancang Am sepertimana disenaraikan di bawah Butiran 1100 Emolument di muka surat 52, Butiran 2500 Perjalanan dan Pengangkutan Orang di bawah muka surat 56.

Sebagai seorang Wakil Rakyat dari Sabah, saya ingin menggesa Kerajaan supaya mempertingkatkan lagi usaha-usaha penyelidikan sosio-ekonomi di Sabah. Walaupun bilangan jawatan bagi unit penyelidikan sosio-ekonomi akan dikurangkan dengan satu iaitu daripada 269 kepada 268. Saya berharap ia tidak akan menjejaskan prestasi Kerajaan Persekutuan dalam usaha-usaha kajian sosio-ekonominya.

Berkenaan dengan mengurangkan peruntukan perjalanan dan pengangkutan orang daripada \$750,000 kepada \$250,000. Saya khuatiri bahawa kegiatan-kegiatan penyelidikan sosio-ekonomi tidak akan dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan ini dengan tujuan untuk menambahkan, untuk membolehkan unit ini menjalankan penyelidikan sosio-ekonomi dengan lebih berkesan lagi terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagai Ahli dari Marudu, suka saya menjemput unit ini supaya menjalankan satu penyelidikan sosio-ekonomi yang menyeluruh di kawasan Semenanjung Bengkoka, Pulau Banging yang terletak di dalam kawasan pilihanraya saya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan Semenanjung Bengkoka, Pulau Banging adalah terletak di Bahagian Utara Negeri Sabah, tahap kemajuan sosio-ekonomi kawasan ini adalah sangat rendah untuk membolehkan rakyat kawasan ini mencapai satu prestasi kemajuan sosio-ekonomi yang lebih menasabah.

Adalah perlu bagi Kerajaan Persekutuan mengadakan program-program pembangunan khas, oleh kerana tahap kemajuan sosio-ekonomi kawasan ini adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain di Sabah. Program-program pembangunan tidak akan

menjadi berkesan sekiranya satu penyelidikan sosio-ekonomi yang menyeluruh tidak dijalankan. Kawasan ini memerlukan satu rancangan pembangunan khas yang berasaskan kepada perakuan-perakuan kumpulan penyelidikan yang menjalankan penyelidikan kajian sosio-ekonomi yang saya cadangkan itu. Untuk memberikannya mencapai satu tahap kemajuan yang diharapkan, dengan ini saya ingin menggesa unit penyelidikan sosio-ekonomi supaya memainkan peranan yang sepatutnya dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai program (7) di bawah Maksud Bekalan yang sama iaitu Jabatan Perpaduan Negara.

Adalah diperhatikan bahawa bilangan jawatan yang diluluskan bagi program ini telah dikurangkan. Ini adalah membebankan, kerana ini bermakna bahawa kegiatan-kegiatan agensi yang tersebut akan dikurangkan sedikit sebanyak. Saya sedar bahawa kita sedang mengalami kemelesetan ekonomi, akan tetapi

saya juga khuatiri kerana ini mungkin akan menjejaskan usaha-usaha kita ke arah mencapai integrasi dan perpaduan negara.

Berhubung dengan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia kepada sikap Kerajaan Persekutuan terhadap isu integrasi nasional iaitu phubungan yang lebih erat di antara rakyat di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menjawab pada 4.30 petang esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Majlis ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.